



# **RUKUN NEGARA**

**Bahawasanya Negara Kita Malaysia**

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,  
berikrar akan menumpukan  
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut  
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS

# BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

PENDIDIKAN KHAS

## TINGKATAN 2

**PENULIS**

SURAYA BINTI BAI  
AZHAR BIN MD SABIL

**EDITOR**

HASNAH BINTI AHMAD NADZAR

**PEREKA BENTUK**

WAN HAWARI BIN WAN ISMAIL

**ILUSTRATOR**

YUSRY BIN SAMSURI



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2017



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0043

KK 499-221-0102011-49-1656-30101  
ISBN 978-983-49-1656-5

Cetakan Pertama 2017  
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2017

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk  
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
No. Telefon: 03-2147 9000 (8 talian)  
No. Faksimile: 03-2147 9643  
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:  
Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim  
Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:  
Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.,  
No.4200-A, Simpang Tiga Telipot,  
Jalan Sultan Yahya Petra,  
Peti Surat 67,  
15700 Kota Bharu,  
Kelantan Darul Naim.

## PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Prof Muka Surat (PMS),  
Bahagian Buku Teks,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Prof Muka Surat (PMS),  
Bahagian Buku Teks,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera (NSK),  
Bahagian Buku Teks,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Pembaca Luar,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.
- SMK Bukit Katil, Melaka.
- Tourism Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

# KANDUNGAN

Pendahuluan	iv
Panduan Ikon	vi

## TEMA 1 KEPERLUAN ASAS MANUSIA 1

Unit 1 Makanan Berkhasiat	2
Unit 2 Rumah	7
Unit 3 Pakaian	13
Jom Berkomunikasi	19

## TEMA 2 TUMBUHAN HERBA 21

Unit 4 Taman Herba	22
Unit 5 Khasiat Herba	27
Unit 6 Produk Herba	33
Jom Berkomunikasi	39

## TEMA 3 KERJA TANGAN 41

Unit 7 Hasil Kerjaku	42
Unit 8 Kad Pengganti Diri	47
Unit 9 Inovasi Hasil Seni	53
Jom Berkomunikasi	59

## TEMA 4 KESIHATAN KAKI DAN KASUT 61

Unit 10 Sayangi Kaki	62
Unit 11 Kasut dan Kesihatan	67
Unit 12 Kakiku Bersih	73
Jom Berkomunikasi	79

## TEMA 5 SUNGAIKU INDAH DAN BERSIH 81

Unit 13 Indahnya Sungai Kita	82
Unit 14 Kepentingan Sungai	88
Unit 15 Sayangi Sungai	94
Jom Berkomunikasi	101

## TEMA 6 MALAYSIA TANAH AIRKU 103

Unit 16 Di Sini Tumpahnya Darahku	104
Unit 17 Negeri yang Kucintai	109
Unit 18 Lagu-lagu Rakyat	115
Jom Berkomunikasi	121

## TEMA 7 CUTI-CUTI MALAYSIA 123

Unit 19 Destinasi Impian	124
Unit 20 Tempat Bersejarah	129
Unit 21 Bandar Warisan	135
Jom Berkomunikasi	141

## TEMA 8 SEMANGAT KEJIRANAN 143

Unit 22 Rukun Tetangga	144
Unit 23 Jiran Sepakat	149
Unit 24 Percayai Jiran	155
Jom Berkomunikasi	161

## TEMA 9 PENGURUSAN KEWANGAN 163

Unit 25 Tabungku	164
Unit 26 Beringat Sebelum Kena	169
Unit 27 Sumber Pendapatan	175
Jom Berkomunikasi	181

Glosari	183
Rujukan	185
Indeks	186

# PENDAHULUAN

Buku Teks *Bahasa Melayu Komunikasi (Pendidikan Khas) Tingkatan 2* Sekolah Menengah ini ialah satu komponen mata pelajaran Bahasa Melayu untuk Tingkatan 2. Buku ini ditulis berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) Bahasa Melayu Komunikasi Tingkatan 2. Kandungannya terbahagi kepada sembilan tema utama, iaitu Keperluan Asas Manusia, Tumbuhan Herba, Kerja Tangan, Kesihatan Kaki dan Kasut, Sungaiiku Indah dan Bersih, Malaysia Tanah Airku, Cuti-cuti Malaysia, Semangat Kejiranan, dan Pengurusan Kewangan.

Buku ini memuatkan bahan dan aktiviti bagi membolehkan murid menguasai bahasa Melayu. Penulisan buku ini disusun sedemikian untuk membolehkan penggabungjalinan ilmu yang lebih mantap dalam kalangan murid, bersifat boleh berdiri sendiri, serta dapat menjadi panduan kepada guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Unit-unit dalam buku ini dimulakan dengan halaman rangsangan sebagai pengenalan, diikuti dengan isi pembelajaran serta aktiviti dan latihan berdasarkan Standard Pembelajaran. Aktiviti juga disediakan dalam setiap tema. Murid akan didedahkan dengan aktiviti mendengar dan bertutur, melihat, mengecam dan mengisyarat, kemahiran membaca dan mengisyarat dan kemahiran menulis.

Isi pembelajaran, aktiviti dan latihan yang disediakan mengutamakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid berdasarkan Standard Pembelajaran. Aktiviti dan latihan yang disediakan bertindak sebagai pelengkap kepada kandungan yang disampaikan dalam setiap unit. Terdapat juga aktiviti berkumpulan untuk menggalakkan pembelajaran kolaboratif.

Setiap kandungan pembelajaran berfokus pada konsep Bahasa Melayu Komunikasi yang spesifik dan kemahiran kandungan yang berkaitan. Konsep Bahasa Melayu Komunikasi yang dipilih berdasarkan tahap umur murid, sekali gus memberikan asas yang kukuh kepada murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu dan pembangunan intelektual. Selain konsep Bahasa Melayu Komunikasi, elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), Kreativiti dan Inovasi serta Keusahawanan turut diterapkan melalui kandungan dan aktiviti dalam buku ini. Glosari, indeks dan rujukan turut disediakan dalam bahagian akhir buku teks ini.

Buku ini menggunakan pendekatan penceritaan melalui watak, iaitu Izalia, Fatim, Hana, Jane, Morgan, Chin Fei dan Samson. Mereka dibimbing oleh Cikgu Najah, Cikgu Shanti, Cikgu Liza dan Cikgu Dali. Melalui pendekatan penceritaan ini, diharapkan agar murid dapat merasai keseronokan belajar dan seterusnya menguasai kemahiran berkomunikasi.

Kemahiran Pembelajaran Abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kolaboratif, komunikasi dan kreativiti dimasukkan secara langsung dan tidak langsung ke dalam buku teks ini. Kemahiran berfikir murid turut diperluas melalui pelbagai pendekatan antaranya peta pemikiran, penyelesaian masalah dan pemerolehan maklumat. Kod Carian Pantas atau *Quick Response Code* (QR Code) digunakan untuk mengimbas maklumat tambahan melalui telefon pintar yang mempunyai aplikasi *QR Reader*.

Akhir kata, melalui penggabungan pelbagai elemen dan kemahiran, penulis sangat berharap agar buku ini dapat mencetuskan minda yang kreatif, mengamalkan etika dan nilai murni dalam kalangan murid. Semoga buku teks ini dapat membantu meningkatkan penguasaan dan kefahaman murid dalam mempelajari bahasa Melayu.

# PANDUAN IKON



## Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Melibatkan keupayaan murid mendengar, melihat dan mengecam, berbual dan berbincang untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat.



## Kemahiran Menulis

Berfokus kepada keupayaan murid menulis perkataan, rangkai kata dan ayat serta melahirkan idea melalui pelbagai bentuk penulisan.



## Kemahiran Membaca

Berfokus kepada keupayaan murid membaca secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul serta dapat membaca pelbagai bahan.



## Penilaian Tema

Bertujuan untuk menilai kefahaman murid terhadap kandungan tema.



## Aktiviti

Murid perlu melakukan aktiviti berdasarkan kemahiran.



## Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Menunjukkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.



## Jom Berkomunikasi

Memberikan galakan kepada murid supaya berkomunikasi dengan baik.



## Standard Pembelajaran

Mengandungi nombor standard pembelajaran.



## Kod Carian Pantas atau *Quick Response Code* (QR Code)

Maklumat tambahan yang perlu diimbas dengan telefon pintar.

# TEMA 1

# KEPERLUAN ASAS MANUSIA





**Mendengar dan Bertutur**

Ajuk pesanan guru kepada rakan anda.

**Pesanan Guru**

1

Cikgu Najah sedang memberikan pesanan tentang makanan berkhasiat.

Banyakkan makan buah-buahan dan sayur-sayuran.  
Banyakkan minum air masak. Kurangkan gula dalam makanan dan minuman. Kurangkan makan makanan berlemak.

**Aktiviti**

Salin pesanan di atas.



## Membaca

Baca kemudian fahami maklumat di bawah. Cari maksud perkataan yang berhuruf tebal.

### Jaga Kesihatan, Pilih Makanan Berkhasiat

Izalia sedang memikirkan makanan berkhasiat yang baru dipelajari. Dia ingin mengamalkannya supaya sentiasa sihat dan cergas.

**Karbohidrat** terkandung dalam nasi, roti, pasta dan makanan yang berkanji.

**Lemak** terkandung dalam bahan seperti mentega dan minyak masak.


**Mineral** terkandung dalam makanan laut seperti kerang, ketam, udang dan sotong.

**Protein** terkandung dalam daging, ayam, telur dan ikan.

**Vitamin** terkandung dalam sayur-sayuran dan buah-buahan.

**Air** terkandung dalam air kosong dan jus buah-buahan.

Makanan **seimbang** ialah makanan yang mengandungi enam zat makanan yang diperlukan oleh tubuh badan.



## Aktiviti

1. Berikan contoh makanan seimbang.
2. Mengapakah makanan seimbang penting?



2.1.1



1

3

Salin dan fahami ayat di bawah.

## Pemakanan yang Sihat

Pemakanan yang sihat ialah pemilihan makanan yang mengandungi kandungan karbohidrat, vitamin dan protein. Makanan yang sihat dapat memberikan tenaga, menjauhi penyakit dan membina tubuh badan.

### karbohidrat

- nasi, roti
- ubi keledak, ubi keladi, ubi kayu dan ubi kentang
- semua jenis bijirin seperti jagung dan gandum

### protein

- ikan
- ayam, daging, telur
- susu, keju
- jenis kekacang

### vitamin

- sayur-sayuran
- buah-buahan

1. Makanan yang mengandungi karbohidrat terdiri daripada nasi, roti, ubi keledak, ubi keladi, ubi kayu, ubi kentang dan semua jenis bijirin seperti jagung dan gandum.
2. Makanan yang mengandungi protein terdiri daripada ikan, ayam, daging, telur, susu, keju dan jenis kekacang.
3. Makanan yang mengandungi vitamin terdiri daripada sayur-sayuran dan buah-buahan.
4. Bagi menjamin badan yang sihat, kita seharusnya mengamalkan pemakanan yang seimbang.

## Aktiviti

Mengapakah kita perlu mengamalkan pemakanan yang seimbang?



## Penilaian 1

A Salin ayat di bawah dengan betulnya.

1



Buah oren mengandungi vitamin C.

2



Makanan asasi masyarakat Malaysia ialah nasi.

3



Masakan kegemaran Hana ialah ikan siakap kukus.

4



Emak memasak sayur untuk hidangan makan tengah hari.

**B** Secara berkumpulan lakukan permainan berikut.



brokoli



bayam



peria



sawi


1

### Peraturan Permainan

- i. Sediakan beberapa ayat pesanan di dalam sampul surat.
- ii. Bisikkan ayat tersebut kepada rakan kamu secara bergilir. Murid pertama membisikkan ayat kepada murid kedua, murid kedua membisikkan ayat kepada murid ketiga dan seterusnya.
- iii. Murid terakhir akan menyampaikan ayat pesanan tersebut secara kuat di hadapan kelas.
- iv. Guru akan menilai pesanan yang betul.
- v. Kumpulan yang dapat menyampaikan pesanan dengan betulnya akan dikira sebagai pemenang.

### Contoh Ayat Pesanan

Belikan ibu seikat bayam, sekilo brokoli, dua biji peria dan dua ikat sawi.





## Mendengar dan Bertutur

Dengar dan sampaikan maklumat dengan betulnya.

### Rumah Idaman

Rumah merupakan tempat tinggal sesebuah keluarga dan individu. Cikgu Liza sedang mengajar murid-muridnya tentang jenis-jenis rumah. Cikgu Liza memberikan tugas kepada muridnya.

Di manakah kamu tinggal?  
Lakarkan bentuk rumah kamu.  
Nyatakan alamat lengkap kamu.  
Bagaimanakah rumah idaman kamu?



### Aktiviti

Sebutkan jenis-jenis rumah di Malaysia yang anda tahu.



## Membaca

Baca kemudian fahami petikan di bawah.

### Rumah Tradisional Melayu Melaka

Rumah tradisional Melayu melambangkan cara hidup dan sikap terbuka orang Melayu. Rumah ini diperbuat daripada kayu dan bertiang. Dindingnya pula diperbuat daripada kayu atau anyaman buluh. Rumah tradisional ini juga beratapkan rumbia, nipah atau kayu.

Antara rumah tradisional yang terdapat di Malaysia ialah rumah tradisional Melayu Melaka. Rumah tradisional Melayu Melaka ini dibina dengan reka bentuk warisan masyarakat Melayu dan mempunyai ciri-ciri yang unik.

Rumah ini mempunyai bumbung yang panjang dan bertangga batu. Keunikan rumah tradisional Melayu Melaka terletak pada tangga batunya. Tangga batunya mempunyai jubin yang bercorak. Halaman rumah tradisional ini biasanya dihias dengan pelbagai jenis pokok bunga.



## Aktiviti

Apakah keunikan yang terdapat pada rumah tradisional Melayu Melaka?





Isi tempat kosong dalam borang tugas harian yang disediakan.

## Laporan Harian

Sewaktu lawatan sehari ke Melaka, Fatin telah dilantik sebagai ketua. Dia telah mengisi borang laporan tugas harian dengan maklumat berikut.

**Borang Laporan Tugas Harian**

Tempat lawatan: Taman Mini Malaysia dan Mini Asean  
 Tarikh lawatan: 23 April 20□□  
 Masa lawatan: 9:00 pagi hingga 2:00 petang  
 Bilangan ahli: 20 orang murid dan tiga orang guru pengiring

Masa	Aktiviti
9:00 pagi	Kami sampai di lokasi lawatan dan _____ taklimat daripada guru pengiring tentang aktiviti lawatan.
9:30 pagi	Kami melawat rumah tradisional Melayu Melaka dan mengambil _____ tersebut. Kami membuat rakaman tentang _____. Seterusnya, kami melawat rumah mini masyarakat _____. Kami turut menyaksikan _____ masyarakat Portugis di Melaka. Kami juga mengacu _____ masyarakat negeri Melaka. Kami diminta untuk membuat _____ tentang sejarah negeri Melaka.
11:30 pagi	Kami berkumpul di halaman Rumah Mini Malaysia untuk _____.
12:00 tengah hari	Kami berehat dan _____ di kafe Taman Mini Malaysia.
2:00 petang	Kami bersedia untuk _____ ke sekolah.

Laporan disediakan oleh,  
*Fatin*  
 (FATIN BINTI AHMAD)



### Aktiviti

Tulis pengalaman anda sewaktu mengikuti suatu lawatan.







## Penilaian 2

A Baca pantun di bawah dan fahami maksudnya.

1

### Rumahku bagai Syurga

Tuai padi sambil bersenandung,  
Seronok rasa melihat rerama;  
Rumah menjadi tempat berlindung,  
Luangkan masa bersama-sama.

Bunga dipetik tuan puteri,  
Sambil melihat ayam berlagu;  
Rumahku cantik indah berseri,  
Tempat istirahat seisi keluarga.

Bunga melati bunga dahlia,  
Di seluruh desa tepi halaman;  
Saling hormati amalan mulia,  
Sepanjang masa hidup pun aman.

Buah kepayang di atas peti,  
Buah nona di dalam raga;  
Kasih sayang terikat di hati,  
Rumah sempurna bagaikan syurga.



**B** Cari 10 perkataan tersembunyi yang berkaitan dengan rumah.

ATAP

TIANG

PINTU

RUMBIA

MODEN


DINDING

BUMBUNG

TRADISIONAL

TANGGA

JENDELA



1

**C** Rumah tradisional Melayu di Negeri Sembilan sedikit sebanyak menyerupai bentuk rumah adat yang terdapat di Minangkabau. Bentuknya memanjang dan bumbungnya sedikit melengkung di bahagian hujung.

Izalia, Fatin dan Chin Fei sedang berbincang untuk menyiapkan tugas berkaitan dengan rumah tradisional yang terdapat di Malaysia. Anda dikehendaki membantu mereka untuk mendapatkan maklumat tersebut.

1

Saya hendak mencari maklumat tentang rumah tradisional Kedah. Bagaimanakah pula dengan Fatin dan Chin Fei?

Saya bercadang untuk mencari maklumat tentang rumah tradisional Negeri Sembilan.

Saya pula hendak mencari maklumat tentang rumah tradisional Perak.





## Mendengar dan Bertutur

Bina ayat arahan berdasarkan perkataan yang diberikan.  
Contoh ayat: Sila pakai songkok.

### Hargai Warisan Kita



songkok



baju Melayu



butang baju Melayu



capal



kain sampung



### Aktiviti

1. Senaraikan sepersalinan baju Melayu yang lengkap.
2. Nyatakan jenis-jenis pakaian tradisional di Malaysia.



## Membaca

Baca petikan di bawah, kemudian cari maksud perkataan berhuruf tebal.

### Pakaian Lambang Identiti



Baju kurung ialah pakaian tradisional wanita Melayu. Baju kurung boleh dipakai bersama-sama kain songket atau batik. Kebiasaannya pakaian ini dipakai dengan kain **selendang** atau tudung kepala. Baju kurung sesuai dipakai dalam majlis **formal** atau urusan seharian.

Sari merupakan pakaian tradisional wanita India. Sari ialah pakaian seharian dan turut dipakai pada hari perayaan. Sari terdiri daripada lembaran kain yang berukuran semeter hingga dua meter **lebar** dan panjangnya pula antara lima hingga 15 meter mengikut **saiz** pemakai.

Ceongsam pula pakaian **tradisional** wanita Cina. Ceongsam mempunyai leher baju yang tinggi berserta butang, potongan baju yang **mengikut bentuk badan** di pinggang dan belahan di kiri dan kanan kain. Biasanya dipakai pada upacara tertentu seperti majlis perkahwinan dan Tahun Baharu Cina. Pakaian ini selalunya diperbuat daripada kain sutera, satin dan jenis kain lembut.



## Aktiviti

Mengapakah kita perlu mengekalkan warisan pakaian tradisional?



Lengkapkan kemudian salin ayat di bawah.

### Jenis Pakaian



Pakaian tradisional bagi kaum lelaki Melayu ialah \_\_\_\_\_.

Seminggu sekali penjawat awam akan memakai \_\_\_\_\_.



Abang Hana memakai \_\_\_\_\_ berwarna ungu.

Kakak Izalia memakai \_\_\_\_\_ berwarna merah jambu semasa menghadiri majlis perkahwinan.



### **Aktiviti**

Senaraikan jenis pakaian yang pernah anda lihat.



## Penilaian 3

- A Pakaian yang digunakan oleh seseorang haruslah sesuai dengan situasi. Nyatakan ciri-ciri pakaian dari aspek berikut.

1



perlindungan



seragam



hiasan



menutup aurat



kesopanan



budaya

B Perlihatkan gambar di bawah, kemudian bina ayat arahan.

### Peralatan Bengkel



1

rambut pendek

tudung dimasukkan ke dalam apron

tali leher ditanggalkan atau dimasukkan ke dalam apron

lengan baju hendaklah dilipat dengan kemasnya

memakai apron

memakai kasut

Contoh ayat:  
Masukkan tudung ke dalam apron.



C Salin ayat berikut dengan betulnya.



1. Pada cuti hujung minggu, pasukan pengakap Sekolah Menengah Kebangsaan Indah Jaya mengadakan aktiviti perkhemahan.
2. Mereka memakai pakaian seragam pengakap yang lengkap.
3. Baju ahli pengakap berwarna kelabu, manakala seluarnya berwarna biru gelap.
4. Ahli pengakap memakai topi pengakap yang berwarna biru gelap.
5. Mereka juga memakai kasut dan stoking berwarna hitam.
6. Terdapat beberapa kelengkapan tambahan pada pakaian seragam pengakap seperti lencana pengakap, skaf pada leher dan tali pada lengan baju.

## Jom Berkomunikasi

A Baca kemudian fahami maklumat di bawah.



1. Apabila besar nanti, saya mahu membina sebuah rumah yang besar dan cantik.
2. Saya akan mengecat rumah itu dengan warna kegemaran saya.
3. Rumah yang saya hendak miliki ialah rumah banglo.
4. Rumah tersebut mempunyai enam buah bilik tidur dan dua buah ruang tamu.
5. Saya hendak menjadikan rumah saya sebagai sebuah rumah yang bersih dan indah.
6. Rumah saya berhampiran dengan pasar raya.
7. Saya hendak membeli rumah di kawasan taman perumahan.

B Secara berkumpulan, bincangkan jawapan teka silang kata di bawah.



1	c												
		3	k	5	d								
	2	s							7	s	8	s	
						6	k						

1

## TEMA 2

# TUMBUHAN HERBA





Mendengar dan Bertutur

Bina soalan berdasarkan maklumat di bawah.

Mari Menanam

2

Cikgu Dali dan murid-muridnya hendak membina taman herba.

membina taman herba

tayar terpakai

tumbuhan herba

tanah campuran

Apakah yang perlu kita lakukan dahulu, cikgu?

Mula-mula, kita bentukkan tayar ini supaya menjadi menarik dan kemas. Selepas itu, masukkan tanah campuran dan letakkannya di tempat yang teduh. Kemudian, tanam tumbuhan herba yang sesuai. Kita perlu menyiramnya setiap hari.



pokok kari



pokok kunyit



Aktiviti

1. Sebutkan pokok herba yang boleh ditanam di kawasan sekolah anda.
2. Terangkan cara untuk menyediakan tapak tanaman herba menggunakan tayar terpakai.



## Membaca

Baca kemudian fahami petikan di bawah.

### Jom ke Pameran

“Siapakah yang hendak ikut cikgu pergi ke pameran agro?” tanya Cikgu Dali sewaktu mengajar di dalam kelas.

“Apakah pameran agro, cikgu?” Samson bertanya sambil mengangkat tangan kanannya.

“Pameran agro mempamerkan produk keluaran petani, nelayan dan peniaga,” jelas Cikgu Dali.

“Selain itu, apakah lagi yang dipamerkan, cikgu?” Morgan pula bertanya.

Cikgu Dali menerangkan bahawa di situ dipamerkan kejayaan tentang penyelidikan pertanian, perikanan dan perniagaan.

“Cikgu, di pameran itu ada jualan produk makanan?” tanya Chin Fei, ingin tahu.

Cikgu Dali segera menjawab, “Mestilah ada. Bukan sahaja jualan makanan, tetapi ada juga jualan anak benih, biji benih dan juga anak pokok.”

Samson mencadangkan supaya mereka membeli anak benih dan anak pokok untuk ditanam di taman herba sekolah.

Morgan bersetuju, “Bagus juga cadangan awak, saya setuju.”

“Saya juga setuju,” kata Chin Fei.

“Baiklah. Jika begitu, mari kita hebahkan hal ini kepada kawan-kawan yang lain,” kata Cikgu Dali.

**PAMERAN AGRO**  
PERINGKAT NEGERI  
SELANGOR

**TEMPAT**  
DEWAN MALAWATI,  
KUALA SELANGOR

**TARIKH**  
9 HINGGA 11 MAC 20□□

**MASA**  
8:00 PAGI  
HINGGA 6:00 PETANG

SEBARANG PERTANYAAN  
BOLEH DIAJUKAN KEPADA:  
ENCIK SALLEH BIN DAUD  
017-23244567  
ENCIK HASSAN BIN OMAR  
014-44534333

**MASUK  
PERCUMA**



## Aktiviti

1. Di manakah pameran tersebut diadakan?
2. Apakah aktiviti yang terdapat di pameran tersebut?

Lengkapkan ayat dengan frasa nama dan frasa kerja yang betul.

### Taman Herba Sekolahku

Guru-guru dan murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Indah Jaya mengadakan projek taman herba. Mereka bergotong-royong untuk menjayakan projek tersebut.

2

anak pokok

mencangkul tanah

daun kelapa

menabur baja



1. Fatin \_\_\_\_\_ di taman herba.



2. Fatin memindahkan \_\_\_\_\_ ke tempat tanaman.



3. Cikgu Najah \_\_\_\_\_ pada anak pokok yang telah dipindahkan.



4. Biji benih ditutup dengan \_\_\_\_\_.

### **Aktiviti**



IMBAS SAYA

1. Tulis aktiviti dalam gambar di atas menggunakan ayat sendiri.
2. Sebutkan langkah-langkah menanam biji benih.



## Penilaian 4

A Isi tempat kosong dengan frasa yang betul.

berbau wangi

melalui akar

bunga rampai

di pangkal

tanaman berperdu

adat istiadat



2

Nama saintifik daun pandan ialah *Pandanus odoratus* dan dikenali hampir di seluruh negara di Asia Tenggara. Daun pandan turut digunakan untuk menambah rasa dalam pelbagai jenis masakan dan kuih-muih.

Pandan ialah sejenis \_\_\_\_\_. Daun pandan tebal, sedikit lebar, panjang meruncing dan tajam di hujung. Daunnya berwarna hijau tua \_\_\_\_\_ dan hijau muda di hujung. Pokok pandan boleh membiak \_\_\_\_\_ dan anak pokok. Daun pandan \_\_\_\_\_ dan boleh dijadikan pewangi, pewarna dan perasa makanan.

Masyarakat di Malaysia juga menggunakan daun pandan untuk dijadikan \_\_\_\_\_. Bunga rampai digunakan dalam beberapa majlis dan \_\_\_\_\_ dalam kalangan masyarakat Melayu seperti majlis perkahwinan, pertunangan dan berendoi.

(Diubah suai daripada [animhosnan.blogspot.my/2011/10/pandan.html](http://animhosnan.blogspot.my/2011/10/pandan.html))



B Perlihatkan langkah-langkah penjagaan tanaman herba berikut.

2



menggemburkan tanah



membaja



menyiram



subur



## Mendengar dan Bertutur

Teliti gambar kemudian berikan pendapat anda.

### Keistimewaan Daun Sirih



Sirih atau nama saintifiknya *Piper betel Linn* ialah tumbuhan herba tempatan yang mengandungi khasiat yang banyak. Tahukah anda keistimewaan daun sirih? Daun sirih berfungsi untuk menahan pendarahan, menyembuhkan luka, menguatkan gigi dan membersihkan kerongkong. Daun sirih boleh dimakan dengan gambir untuk mengatasi cirit-birit. Daun sirih juga berkesan untuk meredakan sakit gigi dan melegakan demam panas.



Daun sirih digubah menjadi hantaran.



Daun sirih dimakan dengan gambir, pinang dan kapur sirih.

(Diubah suai daripada [www.pnm.gov.my/sirihpinang/sp-sirih.htm](http://www.pnm.gov.my/sirihpinang/sp-sirih.htm))



### Aktiviti

Nyatakan kegunaan lain daun sirih yang anda tahu.





## Membaca

Baca petikan kemudian jelaskan isi di bawah.

### Serai



Serai sejenis tanaman rumput yang beraroma dan mempunyai rimbunan daun yang lebat. Serai merupakan tumbuhan herba malar hijau. Nama botani serai ialah *Cymbopogon citratus*. Serai juga dikenali sebagai *Lemon grass*. Serai dipercayai berasal dari Sri Lanka dan telah tersebar luas di kawasan tropika, termasuk Malaysia, Indonesia, Thailand dan China.

Serai mudah ditanam di semua jenis tanah kecuali kawasan berair atau berpaya. Serai sering dijual di pasar tani atau di pasar basah. Harga serai sangat berpatutan dan mampu dibeli oleh sesiapa yang memerlukan. Di Malaysia, serai banyak ditanam sebagai tanaman dapur.

Serai amat penting dalam kehidupan manusia. Serai selalu digunakan dalam masakan. Serai menjadi perisa utama dalam masakan rendang, tomyam, ikan kukus, sate dan sebagainya. Serai bukan sahaja menjadi bahan penambah perisa dalam masakan, tetapi juga digunakan sebagai herba dan bahan ubat-ubatan.

Pernahkah anda mendengar peribahasa seikat bagai sirih, serumpun bagai serai? Peribahasa ini bermaksud kita haruslah hidup bermuafakat, seia sekata dan bekerjasama dalam keluarga dan masyarakat.

(Diubah suai daripada [animhosnan.blogspot.my/2010/06/teknologi-serai/html](http://animhosnan.blogspot.my/2010/06/teknologi-serai/html))



## Aktiviti

1. Apakah nama saintifik serai?
2. Di manakah serai boleh didapati?
3. Mengapakah serai penting dalam kehidupan manusia?

Baca petikan kemudian terangkan frasa nama dan frasa kerja yang berhuruf tebal.

### Kenali Limau Purut



2

Pokok limau purut tumbuh subur di Malaysia, Sri Lanka dan Myanmar. **Limau purut** mempunyai rasa yang masam dan pahit.

Limau purut sama seperti **limau nipis** tetapi kulit buah limau purut lebih menggerutu dan isinya kurang berair. Daun limau purut banyak kegunaannya. Bagi suri rumah, daun limau purut menjadi pilihan sebagai ramuan atau perisa untuk **memasak tomyam**, asam pedas, kerabu, laksa dan lain-lain lagi.

Mengikut kepercayaan orang dahulu, buah limau purut mempunyai aura yang tersendiri untuk **membersihkan badan**. Limau purut juga digunakan sebagai **ramuan ubatan** dan penjagaan kesihatan.

(Diubah suai daripada [www.amdi.usm.my/index.php/limau-purut-plantdatabase](http://www.amdi.usm.my/index.php/limau-purut-plantdatabase))

### Aktiviti

1. Senaraikan jenis-jenis limau yang anda tahu.
2. Bandingkan antara limau purut dengan limau nipis.





## Penilaian 5

A Terangkan cara-cara untuk menceriakan taman herba di bawah.

2



1. Menyediakan batas tanaman yang bersih.
2. Menanam tumbuhan mengikut jenis dan kategori.
3. Mengasingkan tanaman menjalar dan tidak menjalar.
4. Membuat pagar atau pembahagi batas menggunakan batu bata.

B Fahami maksud frasa yang bergaris.



1. Nenek berehat sambil makan sirih berserta kapur sirih.

2. Fatin menggubah daun sirih untuk dijadikan hantaran.

3. Buah limau purut mempunyai rasa yang masam dan pahit.

4. Cikgu Dali menanam serumpun serai di taman herba sekolah.

5. Ibu Morgan memasukkan daun kari ke dalam masakannya.

6. Cikgu Shanti menanam pokok kunyit di belakang rumahnya.

- C Baca ayat di bawah, kemudian tulis frasa nama dan frasa kerja pada ruangan yang disediakan.

### Ayat

1. Jane dan Chin Fei mencabut rumput di taman herba.
2. Morgan dan Samson menabur baja pada tanaman yang diusahakan.
3. Izalia dan Cikgu Shanti menyiram tanaman di taman herba.
4. Hana dan Fatim membantu Cikgu Dali menanam pokok halia dan serai di taman herba.
5. Cikgu Najah dan Cikgu Dali menasihati Samson agar menyiram tanaman herbanya mengikut jadual.
6. Limau purut digunakan untuk merawat kulit kepala, luka, lebam dan gigitan serangga berbisa.

Ayat	Frasa Nama	Frasa Kerja
1.	Jane dan Chin Fei	mencabut rumput
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		



## Mendengar dan Bertutur

Bina soalan berdasarkan maklumat di bawah.

### Jus Mengkudu

Buah mengkudu boleh dijadikan jus untuk minuman. Selain itu, buah mengkudu mengandungi enzim yang tinggi dalam membina sel badan. Pucuk mengkudu boleh juga dibuat ulam. Di samping itu, pucuk mengkudu juga membantu melambatkan proses penuaan.

**JUS MENGKUDU**  
minuman berkhasiat untuk seisi keluarga.

- ✓ mengurangkan tekanan darah.
- ✓ mengurangkan kolesterol dalam badan.
- ✓ meningkatkan sistem imun dalam badan.
- ✓ melegakan batuk, sinus, bronkitis, demam dan asma.
- ✓ mengawal penyakit diabetes, hepatitis dan sakit kepala.



### Aktiviti

1. Apakah khasiat yang terdapat pada buah mengkudu?
2. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara buah mengkudu digunakan sebagai ubat?







## Membaca

Baca kemudian fahami petikan di bawah. Terangkan isi yang bergaris.

### Pokok Rerama



Pokok rerama atau nama saintifiknya, *Mariposa christia vespertilionis* ialah sejenis tumbuhan herba. Tumbuhan ini turut dikenali sebagai daun kelawar, Butterfly wing atau Bian Fu Cao (di China). Pokok rerama berasal dari rantau Asia dan telah lama digunakan dalam perubatan tradisional di Thailand.

Pokok rerama boleh ditanam di dalam pasu atau di atas tanah. Pokok rerama boleh mencapai ketinggian 0.5 meter dalam masa empat bulan. Pokok rerama boleh diproses menjadi teh selepas berusia tiga hingga empat bulan.

Pokok rerama ini mempunyai pelbagai jenis dan warna. Bagi tujuan perubatan, pokok yang berwarna hijau digunakan. Semua bahagian pokok rerama hijau, iaitu daun, batang dan akar dikeringkan serta

dikisar halus sebelum direndam di dalam air panas untuk dijadikan teh.

Khasiat herba ini dipercayai mampu merawat barah dan beberapa penyakit lain seperti angin ahmar (strok), darah tinggi, kencing manis, asma, migrain, resdung, denggi, demam campak dan masalah usus.

(Diubah suai daripada *Harian Metro*, 4 Februari 2015)



### Aktiviti

1. Berikan nama lain pokok rerama.
2. Pada pendapat anda, mengapakah pokok ini dinamakan pokok rerama?

Bina ayat menggunakan frasa kerja dan frasa adjektif di bawah.

**Produk Kunyit**



ibu kunyit - mengubat



serbuk kunyit - memasak



pokok kunyit



krim kunyit - cantik



sabun kunyit - mencuci muka

 **Aktiviti**

Perihalkan kegunaan lain kunyit yang anda tahu.



## Penilaian 6

A Isi tempat kosong dengan frasa yang sesuai.

berwarna hijau

jus mengkudu

pokok kunyit

dalam pasu

sabun kunyit

taman herba

penambah perisa

batas tanaman

merawat dan mencegah

ibu kunyit

dijaga rapi

dibuat ulam

2

1. Ibu Hana menanam \_\_\_\_\_ di dalam pasu.
2. Tumbuhan herba perlu disiram dan \_\_\_\_\_.
3. Pokok daun rerama boleh ditanam di \_\_\_\_\_.
4. Kakak mencuci muka dengan menggunakan \_\_\_\_\_.
5. Buah mengkudu yang sudah matang boleh dibuat \_\_\_\_\_.
6. Teh rerama dihasilkan daripada daun rerama yang \_\_\_\_\_.
7. Pucuk mengkudu boleh dimakan mentah atau direbus dan \_\_\_\_\_.
8. Cikgu Dali menyediakan \_\_\_\_\_ untuk menanam tumbuhan herba.
9. Morgan dan Chin Fei membantu Cikgu Najah membersihkan rumput yang tumbuh di \_\_\_\_\_.
10. Selain untuk \_\_\_\_\_ dalam masakan, kunyit juga boleh dijadikan krim kecantikan.
11. Tumbuhan herba berkhasiat dan dapat membantu \_\_\_\_\_ pelbagai jenis penyakit.
12. Ada juga masyarakat di Malaysia menggunakan \_\_\_\_\_ untuk mengubat penyakit angin ahmar dan sakit kepala.

B Tulis ayat berdasarkan gambar di bawah dengan menggunakan frasa nama dan frasa kerja.

1



memetik - segenggam - pegaga - jus pegaga

Contoh ayat:

Chin Fei memetik segenggam daun pegaga untuk dibuat jus.

2



krim - lidah buaya - menyapu - luka

---

---

---

3



daun kari - memasak kari - sungguh lazat

---

---

---

4



lengkuas - menambah rasa - masakan rendang

---

---

---

2

**C** Amirul dan Faizal hendak membantu Morgan dan Samson menyiapkan tugas. Bantu mereka mencari maklumat tambahan tentang lima jenis tanaman herba yang terdapat di Malaysia.

**pandan:** wangi,  
berwarna hijau

**kunyit:** berwarna  
kuning, menjadi ubat

**limau:** masam,  
dibuat jus

**mengkudu:** pahit,  
dijadikan ulam

**serai:** hidup berumpun,  
perisa makanan

2



## Jom Berkomunikasi

A Baca pantun teka-teki di bawah, kemudian cari jawapan.

Ikan pelata enak dibakar,  
Dipotong panjang dicampur gula;  
Hidup merata melalui akar,  
Berdaun panjang wangi pula.



Kalau tuan pergi ke kedai,  
Jangan lupa membeli lepat;  
Kalau tuan orang yang pandai,  
Daun apa dibuat sarung ketupat?



Hendak menjahit tapak sepatu,  
Jangan terleka nanti terlupa;  
Rasanya pahit kulit menggerutu,  
Cubalah teka buah apa?



Sayang Syarini berkebaya nyonya,  
Gadis Sabah dari Tuaran;  
Daun ini banyak gunanya,  
Boleh digubah untuk hantaran.



Leka berhimpun melihat jam,  
Sambil berbual dengan pak tani;  
Hidup serumpun berdaun tajam,  
Sering dijual di pasar tani.



B Tulis ayat berdasarkan gambar.



Biji benih ditanam pada batas semaian.




Anak pokok \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.



Anak pokok \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

# TEMA 3

## KERJA TANGAN







## Mendengar dan Bertutur

Dengar kemudian kemukakan jawapan yang sesuai dan betul.

### Kreativiti daripada Straw

3

Cikgu Najah menunjukkan cara membuat bekas pensel daripada straw kepada murid-muridnya. Fatin dan Samson ingin tahu cara membuat bakul menggunakan straw.

#### Bahan yang diperlukan:


1. Straw yang berwarna-warni.
2. Gunting, pengepit kertas.

#### Cara membuat:

Lipatkan dan selitkan straw dalam lipatan satu sama lain. Kepitkan lipatan menggunakan pengepit kertas seperti yang ditunjukkan dalam gambar. Susun lipatan straw supaya menjadi bekas pensel. Potong straw yang berlebihan pada hujung bekas pensel.



Apakah bahan yang diperlukan?



Bahan yang diperlukan ialah straw.

Adakah bekas pensel ini tahan lama dan tidak mudah rosak?



### Aktiviti

Hasilkan bakul dengan kreativiti anda.




## Membaca

Baca kemudian fahami petikan di bawah. Berikan maksud rangkai kata yang berhuruf tebal.

### Seni Anyaman

Anyaman merupakan seni tradisi dalam kehidupan masyarakat Melayu. Terdapat **pelbagai hasil seni** boleh dihasilkan daripada **sumber bahan semula jadi** seperti lidi, rotan, akar, buluh, pandan dan mengkuang.



Bahan daripada akar dan rotan ialah bahan asas yang awal digunakan. Tikar mengkuang dan tudung saji dihasilkan daripada **anyaman daun mengkuang**. Anyaman pandan pula dapat menghasilkan tikar dan hiasan dinding. Selain itu, bakul dan nyiru dihasilkan daripada anyaman buluh. Anyaman rotan pula dapat menghasilkan bakul dan buaian kanak-kanak.

Sehingga kini, beberapa negeri **masih terus aktif** menjalankan kegiatan anyaman. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia juga membantu mempromosikan seni anyaman ke seluruh negara. **Hasil tangan masyarakat** Malaysia perlu dikekalkan untuk manfaat generasi akan datang.



## Aktiviti

Mengapakah kita perlu mengekalkan seni anyaman?



Bina ayat menggunakan frasa yang diberikan.

**Hasil Seniku**

Izalia telah menghasilkan bekas menyimpan alat tulis menggunakan kotak. Bahan-bahan yang diperlukan ialah kotak kecil, kertas warna, gam, pelekat hiasan dan gambar.

3



1 sediakan kotak



2 balutkan kotak



3 gamkan kertas



4 tampalkan gambar



5 tampalkan corak



6 tampalkan hiasan



kotak yang telah siap

 **Aktiviti**

1. Ceritakan cara-cara menghasilkan bekas menyimpan alat tulis.
2. Hiasan kotak anda sendiri mengikut kreativiti.



## Penilaian 7

A Senaraikan lima frasa nama dan frasa kerja yang terdapat dalam petikan.

Cikgu Najah membawa murid-muridnya melawat ke pameran kraf tangan anjuran Jabatan Pendidikan Negeri. Pameran tersebut bertujuan untuk mendedahkan hasil tangan dan inovasi murid serta guru dalam memanfaatkan bahan kitar semula. Terdapat pelbagai bahan yang dipamerkan seperti bakul hiasan, pasu bunga, batik cap dan inovasi bahan-bahan terbuang yang dikitar semula.

Mereka berasa sangat gembira kerana berpeluang untuk melihat hasil rekaan dan inovasi yang dipamerkan.

“Wah, banyak sungguh hasil kerja tangan yang menarik!” kata Fatin kepada Cikgu Najah.

“Memang cantik dan kreatif koleksi ini,” jawab Cikgu Najah. Cikgu Najah dan murid-muridnya mengambil masa dua jam di tempat pameran tersebut.

Setelah melawat tempat pameran, mereka beredar untuk balik ke sekolah. Fatin dan rakan-rakan bersemangat untuk menghasilkan kerja tangan.



Bil.	Frasa Nama	Frasa Kerja
1		
2		
3		
4		
5		

B Bina ayat berdasarkan maklumat di bawah.

### Majukan Hasil Seni Kita

Cikgu Dali hendak mengajar murid-muridnya membina ayat menggunakan frasa di bawah. Kemudian, bincangkan dengan rakan anda.

3





## Mendengar dan Bertutur

Teliti gambar di bawah, kemudian berikan pendapat anda menggunakan ayat yang lengkap.

### Mari Membuat Kad Ucapan

Cikgu Najah meminta murid-muridnya mencipta kad ucapan hari lahir.



## Aktiviti

Hasilkan kad ucapan mengikut tema yang dipilih oleh rakan-rakan anda. Pamerkan kad ucapan di sudut bacaan kelas anda.



## Membaca

Baca kad ucapan hari guru di bawah dengan betulnya.

### Kad Ucapan Pengganti Diri

Chin Fei dan rakan-rakannya telah memberikan kad ucapan Selamat Hari Guru kepada Cikgu Dali.

3



## SELAMAT HARI GURU

Guru,  
dalam ajarnya ada harapan,  
dalam tegurnya ada doa,  
dalam marahnya ada sayang,  
dalam tawa ada mesranya,  
dalam diam ada bijaksana,  
dalam tangannya kita terbina.  
Berbahagialah menjadi guru.

Nukilan : Usman Awang

Terima kasih, cikgu.  
Jasa cikgu akan kami kenang selalu.  
Kami sayang akan cikgu.

Ikhlaskan daripada:  
Anak muridmu



## Aktiviti

Bincangkan maksud sajak tersebut.

Tulis ayat ucapan berdasarkan frasa yang diberikan.

### Sampaikan Ucapan

Cikgu Dali meminta muridnya menghasilkan kad ucapan berdasarkan tema. Anda boleh menggunakan perkataan sendiri untuk menghasilkan ucapan yang baik dan kreatif.

- Ucapan kepada individu yang bergelar ibu.
  - semoga panjang umur
  - sihat dan bahagia selalu
  - sentiasa dilindungi oleh Yang Maha Esa

- Ucapan kepada individu yang berjaya.
  - semoga terus berjaya dalam pelajaran
  - cemerlang dunia dan akhirat
  - berjaya dalam peperiksaan seterusnya

- Ucapan kepada individu yang sakit.
  - semoga cepat sembuh
  - makan ubat
  - tabah, sabar

- Ucapan sewaktu hari perayaan.
  - selamat bergembira
  - sihat dan ceria selalu
  - memohon maaf



### Aktiviti

Secara berkumpulan, hasilkan satu kad ucapan yang menarik.





## Penilaian 8

A Tulis jenis-jenis kad ucapan yang anda tahu pada ruangan yang disediakan.

3

Kad Ucapan Hari Ibu

Jenis-jenis Kad Ucapan



### Aktiviti

Bina ayat ucapan untuk disampaikan kepada ibu anda bersempena dengan sambutan hari ibu.

B Deklamasikan sajak di bawah, kemudian fahami maksudnya.

## Salam Perpisahan



Kawan,  
selamat berhijrah  
hari ini khabar gembira buatmu  
engkau pergi ke destinasi yang dicari  
meninggalkan aku, dia dan mereka  
di sini mencari rezeki.

Doaku,  
agar engkau sentiasa gembira  
tabah mengharungi dunia kota.  
Jangan engkau lupa  
kirimkan khabarmu  
di angin lalu juga di alam maya.



Kawan,  
aku, dia dan mereka  
sentiasa leka bercerita  
tentang kisah-kisah lalu  
cerita sendu, suka dan duka  
sewaktu kita masih bersama.

Kawan,  
hanya kenangan dan doa  
dikirim buatmu agar engkau bahagia.  
Ingatlah kami di sini  
masih lagi kawanmu.  
Selamat berhijrah.

Nukilan: subai810



C Berdasarkan maklumat di bawah, tulis kad ucapan tahniah kepada mereka.

Mohamad Ridzuan bin Mohamad Puzi berjaya meraih pingat emas pertama Malaysia dalam acara 100 meter kategori T36 (cerebral palsy). Muhammad Ziyad bin Zolkefli pula meraih pingat emas kedua dengan mencipta rekod dunia baharu dalam acara lontar peluru kategori F20. Abdul Latif bin Romly, menghadihkan pingat emas ketiga negara di Sukan Paralimpik Rio apabila menewaskan pesaingnya dalam acara lompat jauh kategori T20. Terima kasih, Mohamad Ridzuan bin Mohamad Puzi, Muhammad Ziyad bin Zolkefli dan Abdul Latif bin Romly. Kami bangga dengan kejayaan anda di Sukan Paralimpik Rio 2016.

3

1



Tahniah!  
Anda telah mengharumkan  
nama negara. Kami bangga  
menjadi warga Malaysia.

2



Tahniah!  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

3



Tahniah!  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_



## Mendengar dan Bertutur

Perhatikan gambar di bawah, kemudian sampaikan maklumat dengan betulnya.

### Nilai Pokok Kelapa

Cikgu Liza bercerita tentang barang-barang yang boleh dihasilkan daripada pokok kelapa.



sabut kelapa

- tali
- berus



daun kelapa

- anyaman topi
- sarung cempedak



tempurung kelapa

- tabung
- congkak
- cawan hiasan



lidi kelapa

- lekar
- bakul
- penyapu



## Aktiviti

Sebutkan hasil yang diperolehi daripada buah kelapa.





## Membaca

Baca kemudian fahami petikan di bawah. Cari maksud perkataan yang berhuruf tebal.

### Kreativiti dan Inovasi

3



Penggunaan semula **bahan terbuang** secara kreatif merupakan satu langkah yang harus diamalkan. Penggunaan semula bahan ialah suatu proses untuk mengubah bahan terbuang melalui **kreativiti** dan **inovasi**. Bahan-bahan yang dibina semula secara kreatif boleh dijadikan sebagai hiasan, bahan bantu belajar dan bahan pameran.

Bahan terbuang seperti botol kaca dan botol plastik boleh menghasilkan lampu hiasan yang **unik**. Tayar dan tong air pula dijadikan hiasan atau bekas tanaman dan sayuran. Di sekolah, bahan-bahan tersebut boleh dipamerkan atau dijadikan hiasan di dalam bilik darjah atau diletakkan di **sudut ilmu**.

Sesungguhnya amalan guna semula bahan terbuang secara kreatif ini mampu menghasilkan bahan yang menarik dan **bermanfaat**, malah boleh menjanakan pendapatan.




## Aktiviti

Secara kreatif, hasilkan bahan baharu dengan menggunakan tin minuman.

# Menulis

Bina ayat berdasarkan frasa yang diberikan.

## Hasil Kerja Tangan



tayar lama

bekas tanaman



botol kaca

bekas bunga hiasan



penyepit baju

bunga hiasan



seluar lama

beg



botol plastik

jam



tin minuman

kotak tabung

## Aktiviti

Kategorikan bahan dan produk yang dihasilkan.


Barangan terbuang	Produk yang dihasilkan



## Penilaian 9

A Ceritakan langkah-langkah untuk menghasilkan kerja tangan berikut.

3



B Baca iklan di bawah, kemudian sampaikan maklumat tersebut kepada guru anda.

# PERTANDINGAN KREATIVITI DAN INOVASI DARIPADA BAHAN TERBUANG

**TARIKH** 6 Jun 20□□

**TEMPAT** Dewan Al-Farabi, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

**MASA** 8:30 pagi hingga 12:30 tengah hari

**TEMA** Lampu Hiasan yang Berfungsi

## SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan terbuka kepada **murid Program Pendidikan Khas Integrasi** Sekolah Menengah Negeri Kedah. Setiap penyertaan terdiri daripada **tiga orang murid tingkatan dua**.
2. Semua alatan dan bahan yang akan digunakan dalam pertandingan **perlu dibawa sendiri oleh peserta**.
3. Setiap kumpulan dikehendaki menghasilkan satu bahan inovasi dan kreatif mengikut tema yang ditetapkan.
4. Masa yang diberikan **selama 120 minit**. Peserta diingatkan supaya **menjaga kebersihan** kawasan dan meja kerja.
5. Peserta perlu menerangkan **hasil inovasi** kepada hakim.
6. Keputusan hakim adalah **muktamad**.
7. Hadiah disediakan untuk pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga. **Semua peserta** akan menerima sijil penyertaan.
8. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **30 Jun 20□□**.  
Sebarang pertanyaan sila hubungi talian **04-87445444**.



C Baca petikan berita di bawah, kemudian fahami maksudnya.

### Kraf Tangan Berasaskan Tempurung Menarik Perhatian



3

KUALA KANGSAR, 28 Februari - Hasil kraf tangan daripada tempurung kelapa mendapat perhatian para pengunjung pada Hari Kraf Kebangsaan.

Kreativiti sebuah syarikat tempatan, *House of Coconut Shell* telah menghasilkan lampu meja, bunga dan kaligrafi daripada tempurung kelapa.

Proses penghasilan produk berasaskan sumber tersebut melibatkan aktiviti memotong dan mengukir tempurung kelapa mengikut reka bentuk yang diinginkan. Bagi lampu meja, tempurung kelapa dipotong mengikut bentuk bulat dalam saiz yang kecil, kemudian dilekatkan dan disusun pada dinding. Lampu dibentuk mengikut corak yang berbeza-beza.

Setiap tempurung kelapa yang dipotong akan dikeringkan terlebih dahulu. Kemudian, tempurung kelapa itu direndam di dalam larutan pengilat bagi memastikannya kukuh dan tidak rosak.

(Diubah suai daripada *Utusan Online*, 28 Februari 2016)




#### Aktiviti

1. Jelaskan tujuan pameran ini diadakan.
2. Di manakah tempat pameran tersebut diadakan?

## Jom Berkomunikasi

A Perhatikan gambar di bawah, kemudian tulis ayat yang sesuai.

Secara berkumpulan, nyatakan pendapat anda tentang gambar di bawah dengan menggunakan ayat yang betul.



3

**B** Perhatikan gambar di bawah.

Hasilkan satu projek tanaman dalam bekas kitar semula di sekolah anda. Bincangkan bersama-sama rakan dan guru anda.



3

## TEMA 4

# KESIHATAN KAKI DAN KASUT





## Mendengar dan Bertutur

Ajuk ayat yang disampaikan oleh Cikgu Najah dengan betulnya.

### Kebersihan Kaki

4

Murid-murid Tingkatan Dua Delima sedang mempelajari cara-cara menjaga kebersihan kaki.

urut kaki untuk mengendurkan otot


letakkan kaki dalam keadaan lurus ketika tidur

potong kuku kaki secara lurus dan tidak melengkung

amalkan berjalan setiap hari walaupun untuk beberapa minit

Keringkan kaki selepas mandi.

Keringkan kaki selepas mandi.



## Aktiviti

Secara berkumpulan, bincangkan kepentingan menjaga kebersihan kaki.





## Membaca

Baca cerita di bawah dengan sebutan yang betul.

### Urutan Refleksologi

Izalia mengikut ibunya membuat urutan refleksologi di Pusat Refleksologi Zita. Sewaktu ibunya sedang membuat urutan, Izalia berbual-bual dengan Puan Zita, iaitu pengusaha pusat refleksologi tersebut.

“Puan Zita, apakah yang dimaksudkan dengan refleksologi?”

“Refleksologi ialah kaedah rawatan tapak kaki.” Puan Zita menjawab sambil tangannya terus mengurut kaki ibu Izalia.

“Pada kaki sahajakah yang boleh dibuat teknik urutan ini?” tanya Izalia lagi.

Puan Zita menjelaskan sambil tersenyum, “Kepala, telinga dan tangan juga boleh diurut, tetapi kaki merupakan bahagian utama refleksologi.”

“Oh, begitu rupanya! Adakah teknik urutan ini untuk orang dewasa sahaja?” soal Izalia lagi.

“Sebenarnya, refleksologi ini sesuai untuk semua peringkat umur.”

“Mengapakah kaki perlu diurut?”

“Urutan itu penting kerana dapat mengurangkan rasa letih. Urutan juga dapat membantu melancarkan pengaliran darah dan meningkatkan daya ketahanan diri. Otot kaki juga akan menjadi lebih kuat,” jawab Puan Zita dengan panjang lebar. Izalia mengangguk-angguk tanda faham.

“Kalau begitu, bolehkah nenek saya juga mencuba urutan ini?” soal Izalia.

“Urutan ini juga sesuai bagi warga tua yang mengalami sakit sendi dan sengal tulang. Namun begitu, kita perlu minum banyak air masak selepas sesi urutan agar toksin lebih mudah dibuang daripada badan.”

“Oh, begitu rupanya! Sekarang, barulah saya tahu betapa pentingnya menjaga kesihatan kaki.”

Selepas satu jam, rawatan kaki ibu Izalia pun selesai. Izalia mengucapkan terima kasih kepada Puan Zita atas penerangannya tentang refleksologi.



4



## Aktiviti

Bersama-sama rakan anda, bincangkan kebaikan membuat urutan refleksologi.

Lengkapkan ayat dengan frasa nama atau frasa kerja yang betul.

### Jagalah Kaki Kita

Mengapakah penjagaan kaki penting? Fungsi utama kaki adalah untuk menampung berat badan. Selain itu, kekuatan kaki menjadi asas kestabilan badan. Kaki yang direndam selama 30 minit menjadikan kaki berasa lebih selesa. Hal ini kerana kaki yang sihat tidak akan berasa sakit ketika berjalan. Kita perlu mengelap kaki dengan menggunakan tuala. Kaki yang basah mudah dijangkiti bakteria. Kuku kaki yang panjang perlu dipotong. Kuku kaki hendaklah dipotong secara lurus.

4



jangkitan kuman

kuku kaki

mengeringkan kaki

menampung berat

kestabilan badan

melegakan kaki

1. Fungsi utama kaki adalah untuk \_\_\_\_\_ badan.
2. Kekuatan kaki menjadi asas kepada \_\_\_\_\_.
3. Cara memotong \_\_\_\_\_ yang betul ialah secara lurus.
4. Kaki yang direndam selama 10 minit dapat membantu \_\_\_\_\_.
5. Kita menggunakan tuala untuk \_\_\_\_\_.
6. Kaki dikeringkan untuk mengelakkan \_\_\_\_\_.

 **Aktiviti**

Ceritakan cara anda menjaga kebersihan kaki.



## Penilaian 10

A Baca petikan di bawah, kemudian bina soalan yang sesuai.

Kaki merupakan sokongan yang utama kepada kestabilan badan kita. Satu perempat bahagian tulang pada tubuh manusia bergantung pada bahagian kaki. Kesihatan kaki perlu dijaga dengan baiknyanya supaya tidak berasa sakit. Sekiranya kaki sakit, kita hendaklah mendapatkan pemeriksaan dan rawatan daripada doktor.

### Contoh soalan

1 Apakah fungsi kaki?

Kaki merupakan sokongan utama kepada kestabilan badan kita.

2 \_\_\_\_\_ ?

Ya, tubuh manusia bergantung pada bahagian kaki.

3 \_\_\_\_\_ ?

Kita hendaklah menjaga kebersihan kaki supaya tidak berasa sakit.

4 \_\_\_\_\_ ?

Kita hendaklah mendapatkan pemeriksaan dan rawatan daripada doktor jika kaki sakit.



B Buat amali terapi berdasarkan arahan yang berikut.

## Langkah Penjagaan Kaki

Kaki yang tidak dijaga dengan baik akan menimbulkan banyak masalah. Masalah kaki akan mempengaruhi gaya berjalan dan imej diri seseorang. Bagaimanakah kita menjaga kaki? Yang berikut merupakan langkah-langkah penjagaan kaki.

4

### Bahan-bahan yang diperlukan

tuala

besen

garam

air suam

limau nipis

kerusi

### Arahan amali terapi



Masukkan air suam ke dalam besen.



Masukkan sedikit garam dan perahan air limau nipis.



Duduk di atas kerusi kemudian masukkan kaki secara perlahan-lahan ke dalam besen.



Rendamkan kaki di dalam besen selama lima minit.



Keluarkan kaki dan gosok sehingga sel mati keluar.



Lap kaki sehingga kering dengan menggunakan tuala bersih.



## Mendengar dan Bertutur

Fahami petikan di bawah.

### Kasut Sukan

Sekolah Menengah Kebangsaan Indah Jaya akan bertanding dalam perlawanan akhir bola sepak. Cikgu Dali berpesan kepada murid-muridnya supaya memakai pakaian sukan yang lengkap.

4



### Aktiviti

Bincangkan sebab-sebab anda perlu memakai kasut yang sesuai sewaktu bersukan atau beriadah.



1.1.2



## Membaca

Teliti rajah di bawah, kemudian bincangkan isi-isi penting.

### Utamakan Keselesaan

Kasut merupakan asas kepada keselesaan kaki. Harga kasut itu mahal atau murah, tidak menjadi halangan kepada pemakainya. Yang penting, kasut dapat memberikan keselesaan. Terdapat pelbagai jenis kasut dengan ciri-ciri tersendiri.

4

#### Ciri-ciri Kasut



kasut kerja

- tidak licin
- serap bau
- serap peluh
- tidak panas



kasut wanita

- bertumit
- tahan lasak
- tapak tidak licin
- lembut pada bahagian tapak kasut



kasut sukan

- ringan
- serap peluh
- tahan lasak
- tapak kasut yang tebal dan lembut



kasut sekolah

- jenis kain
- tapak getah
- cepat kering
- mudah dicuci



## Aktiviti

Secara berkumpulan, nyatakan ciri-ciri kasut yang selamat dan selesa.

Tulis kad ucapan dengan menggunakan ayat sendiri.

### Tahniah, Anda Berjaya!

Pasukan bola sepak Sekolah Menengah Kebangsaan Indah Jaya telah berjaya menjadi johan dalam perlawanan akhir bola sepak. Cikgu Dali dan anggota pasukannya telah menerima kad ucapan tahniah dan sepasang kasut sebagai hadiah. Hadiah tersebut ditaja oleh pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Indah Jaya.

**TAHNNIAH!**

Pihak sekolah berasa bangga

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Pihak PIBG berbesar hati untuk

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Semoga

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_



### **Aktiviti**

Anda berhasrat untuk menghadihkan kasut olahraga kepada rakan yang menjadi johan dalam sukan olahraga. Hasilkan satu kad ucapan sebagai iringan hadiah kasut olahraga itu.



## Penilaian I I

A Terangkan cara membersihkan kasut mengikut turutan gambar.

### Sayangi Kasut Anda

4

1



kasut kotor

2



basuh kasut

3




jemur kasut

4



kapur kasut

5



masukkan tali kasut




6



simpan di atas rak kasut

**B** Perhatikan gambar di bawah.

Cikgu Liza menunjukkan gambar seorang tukang kasut yang sedang memperbaiki kasut. Beliau meminta murid-muridnya bercerita tentang gambar.



C Hasilkan buku skrap bertemakan kasut sukan.

## Buku Skrap Kasut Sukan

Cikgu Shanti meminta murid-muridnya menghasilkan sebuah buku skrap tentang kasut sukan.

4

### BUKU SKRAP

## JENIS-JENIS KASUT SUKAN

### KASUT LARI



Atlet perlu memakai kasut yang sesuai dan selesa semasa bersukan. Kasut lari direka khas untuk penyerapan kejutan maksimum pada keseluruhan kaki. Hal ini kerana kaki banyak menerima tekanan sewaktu menjalani aktiviti sukan. Kasut lari tahan lasak dan memberikan keselesaan kepada pemakai.

1



## Mendengar dan Bertutur

Bina ayat berdasarkan kata arah yang terdapat dalam seni kata lagu di bawah. Kemudian, sebutkan ayat tunjuk arah.

### Kakiku Sihat



Lihat ke **bawah** ada kaki  
mari menari rentak ini  
mengenal arah guna kaki  
gerak bersama suka hati.



**Depan** belakang  
depan **belakang**  
gerakkan kaki kita ke depan  
ayunkan kaki bawa ke belakang  
ulang semula depan belakang.



**Kiri** dan kanan  
kiri **kanan**  
gerakkan kaki kita ke kiri  
ayunkan kaki bawa ke kanan  
sekali lagi kiri dan kanan.



### Aktiviti

Nyanyikan lagu di atas mengikut rentak lagu “Bapaku Pulang dari Kota”.



IMBAS SAYA





## Membaca

Baca kemudian kenal pasti isi yang terdapat dalam petikan di bawah.

### Kebersihan Kaki

Pakar Perubatan Keluarga, Jabatan Perubatan Keluarga Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, Kelantan, Dr. Nani Deraman berkata, masalah kaki berbau akibat peluh berpunca daripada banyak faktor. Kebiasaannya, masalah itu timbul akibat keadaan tapak kaki yang lembap. Kulit kaki yang lembap menyebabkan peluh dan bakteria mudah menjangkitinya, seterusnya menjadi punca kaki berbau.

Bagi sesetengah orang pula, masalah ini berpunca daripada kaki, kasut atau stoking yang basah. Stoking basah yang tidak ditukar segera akan menyebabkannya lembap dan berbau.

Orang yang kerap memakai kasut jenis tertutup lebih berisiko mengalami masalah berkenaan kerana kaki mudah berpeluh. Kaki yang berbau akan menyebabkan kegatalan sebelum dijangkiti kulat dan berair terutamanya di celah-celah jari. Katanya, masalah itu perlu diatasi segera di peringkat awal. Oleh itu, berjumpalah dengan doktor bagi mendapatkan rawatan. Doktor akan menasihati mereka supaya memakai kasut yang terbuka. Selain itu, kaki juga perlu dibasuh dengan menggunakan sabun antibakteria untuk menjaga kebersihan kaki.

(Diubah suai daripada <http://ww1.utusan.com.my>)



## Aktiviti

1. Mengapakah kaki kita berbau?
2. Apakah yang akan terjadi sekiranya kita tidak memakai stoking?



## Menulis

Salin ayat di bawah.

### Sayangi Kaki

Cikgu Najah meminta Hana menyenaraikan beberapa perkara yang boleh diamalkan untuk menjaga kebersihan kaki. Berdasarkan senarai tersebut, bantu Hana melengkapkan ayat dengan menggunakan perkataan yang sesuai supaya menjadi ayat lengkap.

1 pakai kasut ketika keluar rumah

2 basuh kaki menggunakan sabun antibakteria

3 pastikan kuku kaki sentiasa pendek

4 pastikan kaki sentiasa kering

5 memakai kasut yang sesuai dengan ukuran kaki

6 basuh kaki sebelum tidur



1. Kita haruslah memakai kasut ketika keluar dari rumah.

2. Kaki hendaklah dibasuh dengan menggunakan sabun antibakteria.

3. Kuku kaki mestilah sentiasa pendek.

4. Pastikan kaki sentiasa kering.

5. Pakailah kasut yang sesuai dengan ukuran kaki.

6. Basuhlah kaki sebelum tidur.



## Aktiviti

Nyatakan kebaikan menjaga kebersihan kaki.





## Penilaian 1 2

A Tulis isi penting yang terdapat dalam ayat di bawah.

Kaki ialah anggota badan yang penting dan harus diberikan perhatian. Kaki bukan sahaja membantu kita dalam pergerakan seharian tetapi juga menjaga keseimbangan badan kita. Terdapat pelbagai faktor yang boleh menimbulkan masalah pada kaki. Antaranya termasuklah penyakit, saiz kasut yang salah, peredaran darah yang tidak lancar dan cara memotong kuku kaki yang tidak betul. Kaki yang tidak dijaga dan dibersihkan dengan betulnya boleh menimbulkan masalah seperti jangkitan kulat, kulit kaki kering dan pecah, kemasu, cekam serta ketuat. Kita seharusnya menjaga kesihatan dan kebersihan kaki. Masalah pada kaki juga berlaku disebabkan berat badan yang berlebihan. Oleh itu, penjagaan kaki yang sempurna dapat membantu kita untuk menjalani kehidupan yang normal.

### Isi-isi penting

1 Kaki membantu kita dalam pergerakan seharian.

2 Kaki menjaga keseimbangan \_\_\_\_\_.

3 Faktor \_\_\_\_\_.

4 \_\_\_\_\_.

5 \_\_\_\_\_.

6 \_\_\_\_\_.

B Susun frasa supaya menjadi ayat yang lengkap.

1



kaki yang sihat

sentiasa cergas

menjadikan badan kita

\_\_\_\_\_

2



pada kaki kita

urutan refleksologi

melancarkan peredaran darah

\_\_\_\_\_

3



tidak dilap sehingga kering

sekiranya kaki

bakteria mudah membiak

\_\_\_\_\_

4



jika kita

kaki mudah tercedera

tidak berhati-hati sewaktu berjalan

\_\_\_\_\_

C Bina lima ayat berdasarkan gambar di bawah.

4



1. \_\_\_\_\_.

2. \_\_\_\_\_.

3. \_\_\_\_\_.

4. \_\_\_\_\_.

5. \_\_\_\_\_.

## Jom Berkomunikasi

A Padankan kasut yang sesuai dengan situasi dan ceritakan.



Chin Fei membuang sampah ke dalam tong sampah yang terdapat di luar rumah.



Samson bermain bola sepak bersama-sama kawannya.



Cikgu Dali membersihkan taman herba di sekolah.



Bapa Fatim pergi ke pejabat.



Cikgu Shanti menghadiri majlis makan malam.

**B** Baca kemudian fahami situasi di bawah.

Hana akan menyertai pertandingan sukan tahunan di sekolahnya. Dia hendak membeli sepasang kasut sukan yang baharu. Lakonkan situasi di bawah dengan dialog yang sesuai bersama-sama rakan anda.

4

1



Hana mengajak bapanya pergi ke kedai kasut.

2



Hana hendak membeli sepasang kasut sukan.

3



Hana mencari saiz kasut sukan yang sesuai.

4



Hana memilih warna kasut kegemarannya.

5



Hana mengacu kasut yang disukainya.

6



Hana membuat bayaran di kaunter.

# TEMA 5

## SUNGAIKU INDAH DAN BERSIH







## Mendengar dan Bertutur

Nyatakan maklumat yang diperolehi dengan intonasi yang sesuai.

5

### Sepetang di Tepi Sungai

Fatin, Izalia dan Hana bersiar-siar di tepi sungai sambil menikmati keindahan pemandangan di sekitarnya.

Eh, lihat di sana, Hana! Pelancong asing sedang bergambar di dataran tebing sungai itu.

Ya, Izalia. Ada bot pelancong di hujung sana.

Kita amat bertuah kerana mempunyai sungai yang cantik dan bersih. Orang ramai akan berasa seronok datang ke sini bersama-sama keluarga mereka.



### Aktiviti

1. Bagaimanakah caranya kita boleh menjaga keindahan sungai?
2. Nyatakan tempat lain yang boleh dilawati.





## Membaca

Baca maklumat di bawah. Kemudian, bincangkan maklumat tersebut dengan rakan anda.

### Empangan Hidroelektrik

Kelab Sains Sekolah Menengah Kebangsaan Indah Jaya akan mengadakan lawatan sambil belajar ke Empangan Hidroelektrik Kenyir di Terengganu. Fatin mula mencari maklumat di pusat sumber tentang tenaga elektrik yang terhasil daripada sumber air.

Tahukah anda, air sungai boleh menghasilkan tenaga elektrik? Ya, air yang dikumpulkan dalam satu takungan yang besar boleh menjanakan bekalan elektrik. Disebabkan sumber kuasa hidroelektrik ialah air, stesen jana kuasa hidroelektrik mesti berada dekat dengan sumber air, seperti sungai dan tasik.



## Aktiviti

Mengapakah pusat kuasa hidroelektrik perlu berhampiran dengan sumber air?




## Membaca

Baca kemudian cari makna perkataan yang berhuruf tebal.

### Kebun Sayur Pak Abu

Semasa berada di Melaka, Hana dan Izalia berkenalan dengan Encik Lokman. Encik Lokman ialah sepupu Cikgu Najah yang sedang mengusahakan **ladang** sayur-sayuran dan buah-buahan.

5



## Aktiviti

Cari maklumat tentang pembajaan yang sesuai untuk sayur-sayuran.



## Menulis

Gariskan frasa kerja.

### Fungsi Sungai

1



Mereka mengambil gambar sambil bersiar-siar di tepi sungai.

2



Pak Saad memancing ikan di kuala sungai bersama-sama anaknya.

3



Hana sekeluarga berkelah di tepi sungai.

4



Pak Abu mengambil air sungai untuk dijadikan air basuhan.



### Aktiviti

1. Terangkan kepentingan sungai kepada manusia, haiwan dan tumbuhan.
2. Sekiranya sungai kita tidak dijaga, apakah yang akan terjadi?



## Penilaian 1 3

A Baca ayat yang diberikan, kemudian lakonkan situasi tersebut.

1



Pak Sudin menjala ikan di sungai.

2




Penduduk kampung itu sedang bergotong-royong membersihkan sungai yang tercemar.

3



Pelancong mengambil gambar di atas jambatan.

4



Samson sedang mandi di sungai bersama-sama rakannya.

5



Chin Fei menegur Morgan yang membuang sampah ke dalam sungai.

6



Pemandu pelancong itu bercerita tentang Sungai Melaka.

**B** Terangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan agar keindahan sungai kita terus terpelihara.



dilarang membuang sampah ke dalam sungai



membuat landskap yang cantik



menguji tahap kebersihan air



bergotong-royong membersihkan sungai



menguatkuasakan undang-undang pencemaran air



## Mendengar dan Bertutur

Teliti carta di bawah, kemudian berikan idea anda tentang kepentingan sungai.

### Sungai Nadi Kehidupan

5



## Aktiviti

1. Apakah peranan sungai dalam kehidupan kita?
2. Apakah sumber makanan yang boleh didapati daripada sungai?
3. Bagaimanakah pengangkutan sungai memudahkan urusan kita?
4. Mengapakah kita perlu menjaga kebersihan sungai?



## Membaca

Baca kemudian fahami petikan di bawah.

### Sungai dan Manusia



Sungai merupakan sumber utama kehidupan manusia. Sungai membekalkan sumber air sebagai minuman, basuhan dan pengairan tanaman. Selain itu, sungai turut membekalkan ikan sebagai sumber makanan kepada manusia.

Sejak zaman dahulu, sungai telah digunakan oleh manusia sebagai jalan perhubungan. Manusia boleh bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi dengan menggunakan laluan sungai. Manusia juga menggunakan sungai untuk mengangkut pelbagai jenis barangan jualan dan dagangan. Antara kenderaan yang digunakan termasuklah sampan, rakit, tongkang dan bot.

Kebanyakan kawasan petempatan manusia dibangunkan berhampiran dengan sungai dan muara sungai. Bandar-bandar penting di negara ini mula dibangunkan berhampiran dengan sungai. Bandar raya Kuala Lumpur, misalnya, berkembang sebagai pusat perdagangan terpenting suatu ketika dahulu. Kedudukannya yang strategik, iaitu pertemuan Sungai Klang dengan Sungai Gombak telah memudahkan pelbagai aktiviti dijalankan di sini. Kini, sungai telah dimajukan sebagai tempat pelancongan dan rekreasi. Sungai juga dijadikan tempat perkelahan serta aktiviti berkayak dan bersampan.



## Aktiviti

Apakah aktiviti yang boleh dilakukan di sungai?



IMBAS SAYA



## Menulis

Lengkapkan ayat di bawah.

1



digunakan sebagai pengangkutan air.

5

Bot digunakan sebagai pengangkutan air.

2 Amin



di tepi sungai.

3 Aktiviti



pada zaman dahulu bermula di tebing sungai.

4 Setiap petang Samson



di tepi sungai.

## Aktiviti

Bina ayat lain yang sesuai berdasarkan gambar.



## Penilaian 14


A Bincangkan kepentingan sungai berdasarkan gambar.

1



sumber minuman

2



sumber tenaga elektrik

3



pengangkutan air

4



sistem pengairan tanaman

5

- B** Lafazkan pantun di bawah. Nyatakan pendapat anda tentang kepentingan sungai kepada manusia.

### Indahnya Sungai

5 Tanjung Lekir di Bangkahulu,  
Simpang Pelangai di Tanjung Dahan;  
Dari hilir sampai ke hulu,  
Jaga sungai anugerah Tuhan.

Di tepi taman tanam selasih,  
Buah bacang di hujung dahan;  
Jadikan minuman air yang bersih,  
Tak kurang juga buat basuhan.

Batu geliga dengan selasih,  
Jadi bingkisan dalam mimpi;  
Elok dijaga sungai yang bersih,  
Agar warisan kita kecapai.

Pokok selasih di tepi bendang,  
Tanaman sihat selain pegaga;  
Sungai bersih cantik dipandang,  
Tempat berehat seisi keluarga.

Shah Jahan nama diberi,  
Asalnya Kedah Jawi peranakan;  
Rahmat Tuhan kita syukuri,  
Sungai yang indah jadi tarikan.




C Tulis ayat yang lengkap.

1



sumber bekalan makanan

2




menjanakan bekalan hidroelektrik

3



sebagai tempat rekreasi

4



perhubungan dan pengangkutan

1. \_\_\_\_\_ .
2. \_\_\_\_\_ .
3. \_\_\_\_\_ .
4. \_\_\_\_\_ .



## Mendengar dan Bertutur

Bina soalan yang sesuai berdasarkan gambar di bawah.

### Cintai Sungai

5

Samson dan Morgan sedang meneliti poster yang berkaitan dengan aktiviti kempen “Cintailah Sungai Kita”. Mereka bersoal jawab tentang cara untuk menayakan kempen berkenaan.

# CINTAILAH SUNGAI KITA

Apakah aktiviti yang akan dilaksanakan dalam kempen itu, Morgan?

Tarikh: 5 Jun 20□□  
Masa: 9:00 pagi  
Tempat: Dewan Bahagia

### Aktiviti

Pembersihan sungai

Pemulihan pencemaran

Kempen Cintai Sungai kepada Kanak-kanak



### Aktiviti

Secara berkumpulan, rancang aktiviti gotong-royong membersihkan sungai.



## Membaca

Baca dialog kemudian cari makna perkataan yang berhuruf tebal.

### Jagalah Sungai Kita

Lihat sungai itu, Samson. Banyak sampah sarap **terapung** di dalamnya.

Arusnya **mengalir** perlahan. Mungkin disebabkan banyak sampah yang **tersangkut** sehingga airnya tidak dapat mengalir dengan baik.

Sepatutnya kita perlu menjaga kebersihan sungai ini. Banyak **faedah** yang akan kita peroleh jika kebersihan sungai ini terjaga.

Inilah sikap negatif yang perlu kita elakkan.

Ya. Airnya kotor. Ada **bangkai** ikan dan ayam di tepi tebing sana.

Betul, Chin Fei. Airnya yang kotor juga menyebabkan banyak **hidupan** di dalamnya mati.

Air sungai boleh menjadi sumber minuman selepas **dirawat**.

Mari kita **maklumkan** perkara ini kepada ketua kampung.

5



## Aktiviti

Berikan pengajaran yang boleh didapati daripada dialog tersebut.

2.1.3





## Membaca

Baca petikan di bawah, kemudian berikan maksud rangkai kata.

### Catatan Hana

Selepas pulang dari Melaka, Hana telah menulis pengalamannya dalam buku catatan.

5

SABTU  
JANUARI 27

Sehari di negeri Melaka memang tidak cukup. Pengalaman yang diperoleh **amat menyeronokkan** aku. Sesiapa pun yang datang ke Kota Melaka pasti akan tertarik dengan kebersihan dan keindahan Sungai Melaka. Rugi rasanya jika aku melepaskan peluang untuk **menyusuri Sungai Melaka**. Sempat juga aku, Izalia dan Cikgu Najah bergambar di atas bot itu.

Di atas bot, kami didendangkan dengan lagu *Dondang Sayang* dan alunan **irama muzik joget lambak** yang diselang-selikan dengan pantun. Aku dan Izalia juga sempat **menghafal serangkap pantun** yang diperdengarkan melalui lagu itu;

Sungai Melaka indah terbukti,  
Dagang jualan datang dan pergi;  
Indah belaka berbudi **pekerti**,  
Jadikan amalan tidakkan rugi.

Kami turut mendapatkan maklumat tentang sejarah Kesultanan Melayu Melaka. Aku terasa seperti berada pada zaman Laksamana Hang Tuah lima bersaudara. Cerita ini disampaikan oleh Pak Salleh, **pemandu bot pelancong** kepada kami.

Tanpa disedari, kami telah hampir di **hujung perjalanan**. Air sungai yang bersih dan pemandangan yang cantik di sepanjang Sungai Melaka membuatkan hatiku rindu untuk ke sana lagi.



## Aktiviti

Lafazkan pantun dalam petikan di atas dan berikan maksudnya.



## Menulis

Lengkapkan ayat dalam borang laporan.

### Sayangi Sungai Kita

Samson dan rakan-rakannya telah membuat kerja lapangan untuk memantau kebersihan sungai. Cikgu Dali meminta mereka membuat laporan tentang kualiti air sungai yang kurang memuaskan. Mereka diberikan tugas untuk melengkapkan laporan berkenaan seperti dalam borang di bawah.

5

#### LAPORAN PEMANTAUAN SUNGAI

a. Perihal Pemantauan: Kebersihan Sungai \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Masa: \_\_\_\_\_

b. Penerangan tentang pemantauan.

i. Tahap kebersihan air sungai.  Bersih  Kotor

ii. Punca:

Air sungai kotor kerana \_\_\_\_\_

iii. Tindakan yang telah diambil:

Antara tindakan yang telah diambil \_\_\_\_\_

iv. Tindakan yang akan diambil:

Pemantauan akan dibuat \_\_\_\_\_

Tandatangan Pelapor,

\_\_\_\_\_  
(Nama: \_\_\_\_\_ )



## Aktiviti

Lengkapkan borang laporan di atas.

3.2.2

97





## Penilaian 15

A Isi tempat kosong dengan perkataan yang diberikan.

### Bergotong-royong

tercemar

dibuang

membersihkan

bekerja

5



Sampah sarap tidak seharusnya  
 ke dalam sungai.


Sungai kotor dan .




Berehat setelah penat .

Bergotong-royong  sungai.

B Secara berkumpulan, lengkapkan isi penting di bawah, kemudian bincangkan.



C Lengkapkan teka silang kata di bawah.



### Melintang

- 1 Sungai yang \_\_\_\_\_ memudaratkan manusia.
- 2 Sungai berfungsi sebagai sumber \_\_\_\_\_ air.
- 3 Aktiviti \_\_\_\_\_ di tepi sungai menjadi tarikan pelancong.
- 7 Kita hendaklah \_\_\_\_\_ sungai kita.

### Menegak

- 4 Banyak orang \_\_\_\_\_ dan berkelah di sungai.
- 5 Antara hidupan sungai yang menjadi makanan manusia ialah \_\_\_\_\_.
- 6 Manusia membina rumah berdekatan dengan \_\_\_\_\_ sungai.
- 8 Banyak orang menangkap \_\_\_\_\_ di sungai.

## Jom Berkomunikasi

A Pilih perkataan yang sesuai bagi melengkapkan ayat yang diberikan.

menyusuri

faedah

menyeronokkan

kebersihan

1. Pengalaman \_\_\_\_\_ Sungai Melaka amat \_\_\_\_\_.

2. Banyak \_\_\_\_\_ yang akan kita peroleh jika \_\_\_\_\_ sungai dijaga.

manusia

pengangkutan

sampan

minuman

3. Air menjadi sumber \_\_\_\_\_ kepada \_\_\_\_\_.

4. Bot dan \_\_\_\_\_ merupakan \_\_\_\_\_ air yang penting suatu ketika dahulu.

tegas

dirawat

penyakit

mencemarkan

5. Minum air sungai yang tidak \_\_\_\_\_ boleh menyebabkan \_\_\_\_\_.

6. Tindakan undang-undang yang \_\_\_\_\_ perlu diambil terhadap sesiapa yang \_\_\_\_\_ kebersihan sungai.



# TEMA 6

# MALAYSIA TANAH AIRKU





## Mendengar dan Bertutur

Deklamasikan puisi di bawah. Berikan pendapat anda tentang puisi tersebut.

### Pada Tanah Ini

Pada tanah ini  
tumpahnya darah merah  
membesar dalam seribu kata  
mengukuh dalam seribu bahasa  
menjadi warisan ibu dan ayah.

Pada tanah ini  
akan ditabur jasa dan bakti  
akan disemai keringat berharga  
akan dipertahan demi agama dan pertiwi  
demi nusa kasih abadi.

Walau letih, jerih dan pedih  
tetap diharung demi maruahmu  
agar disanjung seluruh dunia.

Jasamu tanah ini  
tetap terus dibaja berbunga harum  
oleh anak watan  
yang tahu sedar siapa diri  
yang tahu harga  
sebuah warisan.

Sesungguhnya  
negaraku Malaysia  
kekal harumlah namamu  
sampai bila-bila.

*Nukilan,  
Azhar Md Sabil  
Ogos 2017*



### Aktiviti

1. Mengapakah kita perlu berjuang untuk negara?
2. Apakah maksud perkataan *tanah ini* dalam puisi di atas?
3. Bagaimanakah anda dapat mempertahankan kemerdekaan negara?





## Membaca

Baca petikan di bawah dengan sebutan yang betul.

### Laungan Merdeka

“Merdeka! Merdeka! Merdeka!” Gema laungan Bapa Kemerdekaan Malaysia, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Stadium Merdeka.

“Itulah laungan yang menggegarkan seluruh pelosok tanah air setiap kali menjelangnya detik 31 Ogos, Hari Kemerdekaan Malaysia,” kata ayah.

“Ingat, Hana. Itulah laungan keramat. Jangan sekali-kali kamu musnahkan harapannya. Sejak tahun 1957 lagi, laungan ini tidak berhenti bergema bagi menandakan negara ini telah bebas daripada cengkaman penjajah. Kerajaan telah menggubal Rukun Negara sebagai falsafah dan ideologi negara. Kini, bendera kita dinamakan Jalur Gemilang. Ibu negara kita ialah Kuala Lumpur,” tambah ayah lagi.

Tiba-tiba aku melihat mata ayah berkaca-kaca. Air matanya bergenang lalu mengalir perlahan membasahi pipinya.

“Kenapa, ayah?” tanyaku yang keliru. “Kenapa ayah menangis?” tanyaku lagi.

“Tidak, Hana. Ayah bukannya menangis, tetapi terharu mengenangkan kemajuan yang telah kita kecapai sehingga kini.”

“Habis tu, kenapa air mata ayah mengalir?” tanyaku lagi.

“Ayah tidak sangka begini pantas masa berlalu. Sudah lebih setengah abad rupanya kita merdeka, nak. Hana, jagalah bumi ini baik-baik. Jangan sampai tergadai ke tangan orang luar,” pesan ayah sambil memelukku erat.



## Aktiviti

1. Bilakah negara ini menyambut Hari Kemerdekaan?
2. Mengapakah ayah Hana menangis?
3. Sebutkan kejayaan yang telah dikecapi oleh negara ini selepas merdeka.
4. Apakah pesanan ayah kepada Hana?
5. Apakah makna sebenar merdeka pada pandangan anda?





## Menulis

Baca petikan di bawah. Lengkapkan ayat dengan menggunakan frasa nama dan frasa kerja yang sesuai.

### Aku Anak Malaysia

Aku berasa amat bangga menjadi **rakyat Malaysia**. Malaysia sebuah **negara** yang aman dan damai. **Rakyatnya** terdiri daripada pelbagai kaum. **Melayu, Cina, India, Iban** dan **Kadazandusun** adalah antara kaum utama di negara ini. Kami hidup penuh harmoni.

Aku **dibesarkan** dalam keluarga yang sederhana. Ayahku **seorang anggota polis**, manakala ibuku **seorang suri rumah**. Kampung kelahiranku ialah Tanjung Gading. Kampungku terletak di daerah Muar, Johor. Kawanku, Morgan dan Chin Fei sering berkunjung ke rumahku pada waktu petang. Kami sering **bermain-main di halaman rumah** yang berdekatan dengan anak sungai.

Sesekali, aku teringat akan kampung halaman lebih-lebih lagi pada anak sungai tempat kami bermain dahulu. Apabila ada peluang, aku, Morgan dan Chin Fei akan **bertemu di situ** sambil **berbual-bual tentang masa silam**. Kami berasa bangga kerana menjadi **anak Malaysia** yang hidup aman dan harmoni.



Saya berasa bangga menjadi \_\_\_\_\_.

Bapa saya ialah \_\_\_\_\_, manakala ibu saya \_\_\_\_\_.



Kaum utama di Malaysia terdiri daripada \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_, Iban dan Kadazandusun.

Saya, Hana dan Morgan akan bertemu dan \_\_\_\_\_.



Kami berasa bangga menjadi \_\_\_\_\_.

## Aktiviti

Sebutkan nama rakan anda yang berlainan bangsa.



## Penilaian 1 6

- A Padankan frasa nama dan frasa kerja yang sesuai. Kemudian, salin supaya menjadi ayat lengkap.

Kita mesti sanggup

menjadi daya tarikan pelancong asing.

Pelbagai bangsa dapat

berkorban untuk mempertahankan negara.

Keindahan negara ini

tempat lahirku.

Tanah ini

hidup dengan aman dan damai di negara ini.

Rakyat Malaysia

berbilang bangsa dan keturunan.

1

\_\_\_\_\_.

2

\_\_\_\_\_.

3

\_\_\_\_\_.

4

\_\_\_\_\_.

5

\_\_\_\_\_.

**B** Bina soalan daripada rangkai kata yang diberikan.

Rukun Negara

Jalur Gemilang

Menara Berkembar

Hari Kemerdekaan Malaysia

Bapa Kemerdekaan Malaysia

6

### Contoh

Soalan: Berapakah kelopak bunga raya?

Jawapan: Bunga raya ada lima kelopak.

1. Soalan: \_\_\_\_\_ ?

Jawapan: Rukun Negara mempunyai lima prinsip.

2. Soalan: \_\_\_\_\_ ?

Jawapan: Jalur Gemilang ada tujuh jalur yang berwarna putih.

3. Soalan: \_\_\_\_\_ ?

Jawapan: Menara Berkembar terletak di Bandar Raya Kuala Lumpur.

4. Soalan: \_\_\_\_\_ ?

Jawapan: Hari Kemerdekaan Malaysia disambut pada setiap 31 Ogos.

5. Soalan: \_\_\_\_\_ ?

Jawapan: Bapa Kemerdekaan Malaysia ialah Tunku Abdul Rahman.



## Mendengar dan Bertutur

Perhatikan gambar di bawah. Berikan pendapat anda tentang pembangunan di daerah Kudat.

### Kudat Bertambah Maju

Kudat

Sandakan

Tawau



Pelabuhan Kudat



Pusat Pentadbiran



Kelab Golf Kudat



Padang Terbang Kudat



## Aktiviti

Ceritakan bangunan yang terdapat di tempat tinggal anda.



1.4.1



IMBAS SAYA



## Membaca

Baca kemudian terangkan isi yang terdapat dalam petikan.

### Pesta Magahau Etnik Rungus



6

Pesta Magahau ialah perayaan etnik Rungus yang terbesar sejak dahulukala. Pesta ini dirayakan untuk menzahirkan kegembiraan dan kesyukuran kerana mempunyai kehidupan yang aman damai, tahap kesihatan masyarakat yang baik dan bekalan makanan yang mencukupi.

Aktiviti sampingan Pesta Magahau yang melibatkan ritual dan penyembahan seperti Mamapak dan Mangatod turut diadakan. Walau bagaimanapun, upacara tersebut tidak lagi diadakan pada masa kini kerana kebanyakan etnik Rungus telah menganut agama Kristian dan Islam.

Sambutan Pesta Magahau secara besar-besaran telah mula dilaksanakan pada tahun 2009 di Daerah Kecil Matunggong oleh Persatuan Momogun Rungus Sabah (SAMORA) yang diterajui oleh Dato' Jelani Hamdan. Pada tahun 2015, serentak dengan pengiktirafan Rungus sebagai Etnik Penuh oleh kerajaan negeri Sabah, Pesta Magahau juga diiktiraf oleh kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Pesta ini telah dimasukkan dalam kalendar Pelancongan Sabah dan bulan Julai pada setiap tahun telah diisytiharkan sebagai bulan Pesta Magahau.

Selaras dengan pengiktirafan tersebut, etnik Rungus telah diamanahkan untuk mewakili Malaysia ke program bertaraf dunia, iaitu *Internationale Tourismus-Borse Berlin* (ITB Berlin) 2016 dan World Travel Market London 2016.

(Sumber: Persatuan Momogun Rungus Sabah)



## Aktiviti

Cari maklumat tambahan tentang Pesta Magahau Etnik Kaum Rungus.



## Menulis

Jelaskan frasa nama yang berhuruf tebal.

### Bercuti di Kudat

“Cuti sekolah akan datang, bolehlah kita ke rumah **nenek Samson** di Kudat. Saya teringin hendak mengetahui kebudayaan **masyarakat Rungus** di sana,” kata Hana bersungguh-sungguh.

“Betul, Hana. Cikgu Najah pernah menceritakan keunikan masyarakat Rungus di sana. “Pesta Magahau masyarakat Rungus akan diadakan pada bulan Julai,” tambah Fatin.

“Tentu Samson gembira jika kita berkunjung ke kampung tanah kelahirannya itu,” kata Hana.

“Saya hendak membelikan barangan kraf tangan masyarakat Rungus sebagai cenderamata untuk Cikgu Najah,” sahut Fatin.

1. Pada cuti sekolah akan datang, Hana akan pergi ke \_\_\_\_\_.
2. Hana ingin \_\_\_\_\_ kebudayaan masyarakat Rungus di sana.
3. Cikgu Najah pernah bercerita tentang keunikan \_\_\_\_\_ di daerah Kudat.
4. Pesta Magahau akan diadakan pada \_\_\_\_\_.
5. Hana hendak berkunjung ke \_\_\_\_\_ nenek Samson.
6. Fatin hendak membelikan \_\_\_\_\_ untuk Cikgu Najah sebagai \_\_\_\_\_.



## Aktiviti

Namakan etnik lain yang terdapat di Sabah.



## Penilaian 17

- A Teliti peta negeri Sabah. Cadangkan tempat-tempat yang menarik untuk dikunjungi berdasarkan senarai yang diberikan.

### Senaraikan:

pulau dan pantai percutian

tempat rekreasi

tempat bersejarah

pusat kebudayaan



**B** Baca kemudian fahami petikan di bawah.

### Sabah Negeri di Bawah Bayu

Negeri Sabah merupakan sebuah negeri di Kepulauan Borneo. Dengan keluasan hampir 72,500 kilometer persegi, Sabah dibahagikan kepada lima bahagian pentadbiran. Terdapat 25 buah daerah di negeri Sabah.

Tahukah anda jumlah etnik yang terdapat di Sabah? Ya, Sabah mempunyai lebih kurang 33 etnik. Walaupun terdapat lebih 50 bahasa dan 80 dialek yang berbeza, namun mereka hidup dengan penuh harmoni di negeri ini. Hal ini disebabkan oleh penggunaan bahasa kebangsaan secara meluas di negeri ini.

Etnik Kadazandusun merupakan kumpulan etnik yang terbesar di Sabah dengan 27 suku kaum kecil di dalamnya. Etnik ini membentuk hampir 30% daripada keseluruhan jumlah penduduk Sabah. Selain Kadazandusun, etnik yang tidak kurang besar jumlahnya di Sabah ialah Bajau dan Murut. Oleh itu, tidak hairanlah jika penduduk Sabah memiliki pelbagai bahasa, dialek dan adat resam yang berbeza.

Yang menariknya di negeri ini ialah Gunung Kinabalu. Dengan ketinggian puncaknya mencecah 4,095 meter, Gunung Kinabalu menjadi gunung tertinggi di Asia Tenggara. Oleh itu, negeri Sabah juga dikenali sebagai Negeri di Bawah Bayu.

(Diubah suai daripada [www.sabah.edu.my/kds/Laman%20Utama.htm](http://www.sabah.edu.my/kds/Laman%20Utama.htm))

Berdasarkan petikan, ceritakan maklumat di bawah.





C Bincangkan maklumat dalam rajah, kemudian bina ayat yang lengkap.

6





## Mendengar dan Bertutur

Dengarkan ucapan yang dibacakan dengan teliti.

### Terima Kasih Semua

Chin Fei telah menyertai pertandingan nyanyian lagu rakyat bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan di sekolahnya. Dia berjaya menjadi johan dan diminta untuk memberikan ucapan ringkas.

Guru-guru dan rakan semua,

Saya amat bersyukur kerana dipilih sebagai johan dalam Pertandingan Lagu Rakyat pada hari ini. Saya berterima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya, Cikgu Najah dan rakan-rakan yang telah membimbing dan menyokong saya selama ini.

Sebagai anak watan Malaysia, kita seharusnya berasa bangga kerana memiliki pelbagai bentuk kesenian yang bernilai tinggi. Saya sedar bahawa dengan menghayati lagu-lagu rakyat, jati diri kita semakin kuat. Kita akan kenal budi, jiwa dan nilai seni masyarakat lama. Rakan-rakan semua,

Melalui lagu, kita mampu membentuk jiwa, memupuk nilai murni dan membangkitkan semangat cinta akan negara. Saya yakin dan percaya bahawa melalui pertandingan seperti ini, semangat patriotik akan terus membara dalam jiwa kita.

Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada seluruh warga Sekolah Menengah Kebangsaan Indah Jaya.



### Aktiviti

Jika anda pemenang dalam pertandingan di atas, berikan ucapan anda sendiri.



## Membaca

Baca kemudian jawab soalan.

### Pertandingan Nyanyian

# PERTANDINGAN NYANYIAN LAGU RAKYAT

ANJURAN: KELAB KEBUDAYAAN SMK INDAH JAYA

TARIKH: 15 NOVEMBER 20□□

MASA: 8:30 MALAM

TEMPAT: DEWAN BESAR INDAH JAYA

HADIAH  
PERTAMA  
RM500.00

HADIAH  
KEDUA  
RM300.00

HADIAH  
KETIGA  
RM100.00

SAGUHATI  
RM50.00  
(3 PESERTA)

PESERTA SECARA SOLO ATAU BERKUMPULAN

BERUMUR ANTARA 14 - 18 TAHUN SAHAJA

TARIKH TUTUP PENYERTAAN: 1 NOVEMBER 20□□

BAYARAN PENYERTAAN: RM20.00

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA LAYARI [www.smkindahjaya.com.my](http://www.smkindahjaya.com.my)

## ORANG RAMAI DIUNDANG HADIR



## Aktiviti

1. Siapakah yang layak menyertai pertandingan ini?
2. Bilakah pertandingan itu akan diadakan?
3. Mengapakah orang ramai diundang hadir?
4. Apakah hadiah utama yang disediakan oleh pihak penganjur?
5. Apakah yang perlu dilakukan oleh orang ramai jika inginkan maklumat tambahan?
6. Nyanyikan lagu rakyat yang anda tahu.

Bina ayat dengan menggunakan frasa nama dan perkataan berhuruf tebal.

## Nenek Si Bongkok Tiga

6

Nenek, nenek si bongkok tiga  
siang mengantuk malam **berjaga**  
mencari cucu di mana ada  
nenekku kahwin dengan **anak raja**.

**Cucu**, cucu tak dapat lari  
nenek tua **banyak sakti**  
sekarang nenek nak cari ganti  
siapa kena dia yang jadi.

Anak, anak si anak raja  
nenek sakti **banyak rahsia**  
cuba cucu cubalah teka  
**nenek tua** nak jadi apa.



### **Aktiviti**

Nyanyikan lagu di atas dengan gerak kreatif yang sesuai.

3.4.3



IMBAS SAYA



## Penilaian 18

A Nyatakan frasa nama, frasa kerja atau frasa adjektif yang bergaris dalam ayat di bawah.

1 Alat muzik tradisional itu diperbuat daripada buluh dan logam.

Frasa: \_\_\_\_\_

2 Persembahan nyanyian lagu rakyat akan dipersembahkan secara solo.

Frasa: \_\_\_\_\_

3 Pertandingan nyanyian itu mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat.

Frasa: \_\_\_\_\_

4 Majlis pembukaan Pesta Magahau telah dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan Sabah.

Frasa: \_\_\_\_\_

5 Suasana di dalam dewan semasa pertandingan nyanyian lagu rakyat itu sungguh meriah.

Frasa: \_\_\_\_\_

6 Pameran kraf tangan yang diadakan bertujuan untuk mencungkil kebolehan masyarakat kampung.

Frasa: \_\_\_\_\_

7 Chin Fei berasa amat bersyukur kerana dipilih sebagai pemenang.

Frasa: \_\_\_\_\_

**B** Lengkapi petikan di bawah dengan frasa yang sesuai.

bersyukur

sebuah lagu

dipopularkan

tanah air

perasaan cinta

wajar

enak didengar

keindahan

### **Keindahan Tanah Air dalam Lagu**

Oleh: Ku Seman Ku Hussain

Lagu *Tanah Pusaka* ciptaan Ahmad Merican dan liriknya ditulis oleh Dol Ramli menggambarkan kecintaan kepada \_\_\_\_\_ ini. Sehingga kini, lagu *Tanah Pusaka* bukan hanya \_\_\_\_\_ tetapi lirik dan melodinya membuatkan kita rasa \_\_\_\_\_ menjadi warga tanah air ini.

Kandungan lirik lagu ini menceritakan \_\_\_\_\_ tanah air. Daripada keindahan alam, lahir rasa bangga dan cinta akan tanah air ini. Begitu juga dengan lagu *31 Ogos* ciptaan dan nyanyian Ahmad CB yang dikategorikan sebagai \_\_\_\_\_ patriotik. Susunan liriknya menggambarkan saat negara mencapai kemerdekaan.

Tanpa mengetepikan lagu-lagu pop semasa, lagu yang membawa semangat patriotik wajar diberikan laluan. Tujuannya agar dapat melahirkan \_\_\_\_\_ dan penghayatan yang mendalam terhadap negara.

Sebenarnya tidak ada sebab lagu bertemakan patriotik tidak boleh \_\_\_\_\_. Kalau lagu-lagu rakyat dan lagu tradisional boleh berada dalam arus perdana muzik tempatan, lagu patriotik juga ada peluang yang sama. Hal yang sama juga \_\_\_\_\_ dilakukan pada lagu-lagu yang bertemakan patriotik supaya lagu itu menjadi lagu kegemaran generasi masa kini.

(Diubah suai daripada *Utusan Melayu (M) Bhd.*, 16 Mei 2011)

- C Anda telah berpeluang untuk menyertai pertandingan nyanyian lagu rakyat bersempena dengan Festival Lagu Rakyat Malaysia. Ceritakan pengalaman anda semasa menyertai pertandingan tersebut.



6

### **Pengalaman Menyertai Pertandingan Nyanyian Lagu Rakyat**

- perasaan – teruja, seronok dan gementar
- suasana – meriah, banyak penonton
- ibu bapa, keluarga, guru dan rakan-rakan memberikan sokongan
- peserta yang mengambil bahagian – bilangan, umur, jantina
- menunjukkan bakat nyanyian

---

---

---

---



## Jom Berkomunikasi

**A** Sebut frasa nama atau frasa kerja dalam setiap ayat di bawah.

1. Penduduk Taman Indah Jaya sedang membersihkan sungai.
2. Kita perlu menghiasi kawasan sungai dengan pokok-pokok bunga agar kelihatan cantik.
3. Para pelancong berasa seronok menikmati pemandangan di sepanjang Sungai Melaka.
4. Kakak berasa kagum melihat semangat patriotik yang ditunjukkan oleh murid-murid prasekolah itu.
5. Cikgu Shanti berkata, “Kamu mesti mengibarkan Jalur Gemilang di sepanjang laluan kaki lima sekolah pada sambutan Hari Kebangsaan.”
6. Stadium Negara bergema dengan sorakan dan laungan merdeka.
7. Mereka bermain-main di halaman rumah nenek setiap petang.
8. Kami duduk berehat di tebing sungai itu sambil berbual-bual tentang masa silam.
9. Pelbagai aktiviti kebudayaan telah diadakan sepanjang Pesta Magahau.
10. Cikgu Najah berasa gembira apabila dihadiahkan barangan kraf tangan dari Sabah.
11. Etnik Kadazandusun merupakan etnik yang terbesar di Sabah.
12. Kita perlu berasa bangga kerana memiliki pelbagai kesenian bernilai tinggi.



- B** Lafazkan pantun di bawah, kemudian jawab soalan dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Meja diraja cantik diukir,  
Kayu jati kepulauan Sulu;  
Sebarang kerja hendaklah difikir,  
Tidak nanti mendapat malu.

Dari hilir ke Kuala Jelutung,  
Sambil dicuba labuhkan pukut;  
Bulat air kerana pembedung,  
Bulat manusia kerana muafakat.

Dari kota ke Seri Menanti,  
Dagangan sarat dengan barangan;  
Jika kita bersatu hati,  
Kerja berat menjadi ringan.

Burung tempua burung tekukur,  
Atas bidara di dalam taman;  
Panjatkan doa kita bersyukur,  
Moga negara bertambah aman.

Pokok maman pohon mengkudu,  
Halia bara tanam-tanaman;  
Rakyat aman bersatu padu,  
Negara sejahtera tanpa ancaman.



## Aktiviti

1. Apakah pesanan yang diberikan dalam pantun di atas?
2. Jelaskan pengajaran yang boleh diambil daripada rangkap kedua pantun di atas.
3. Pada pendapat anda, apakah faedahnya jika kita bersatu hati?

# TEMA 7

## CUTI-CUTI MALAYSIA





## Mendengar dan Bertutur

Dengar dan lakonkan perbualan di bawah.

7

### Bercuti ke Pulau Sibul, Johor

Morgan sekeluarga ke Pulau Sibul pada cuti persekolahan yang lalu. Setibanya di jeti, Morgan tidak sabar-sabar lagi untuk menaiki bot.

Encik Manu: Sabar, Morgan. Kita perlu membeli tiket terlebih dahulu sebelum menaiki bot.

Morgan: Pukul berapa kita akan bertolak ke Pulau Sibul, ayah? Biar saya belikan tiket.

Encik Manu: Belum tahu lagi. Morgan, tolong ayah belikan tiket. Beratur semasa membeli tiket nanti. Hormati orang lain dan jaga tingkah laku.

Puan

Letchumy: Morgan, belikan air mineral selepas membeli tiket itu nanti.

Morgan: Baiklah, ibu. Ayah, tolong perhatikan beg saya. Saya letakkan beg di sini dulu.

Encik Manu: Baiklah. Hati-hati dengan orang yang tidak dikenali. Terus beratur di hadapan kaunter tiket di sana. Nah, ini wang untuk beli tiket!

Morgan: Baik, ayah. *(Sambil menghulurkan tangan)*.

Puan

Letchumy: Baca betul-betul jadual waktu perjalanan dan nama bot yang dicetak pada tiket itu nanti.

Encik Manu: Betul, Morgan. Kalau boleh, beli tiket perjalanan yang awal.

Morgan: Baiklah, ayah, ibu. *(Sambil berjalan menuju ke kaunter tiket)*.



### Aktiviti

Ajuk ayat arahan yang terdapat dalam dialog.



IMBAS SAYA





## Membaca

Baca kemudian fahami perkataan yang berhuruf tebal.

### Gamitan Pulau Perhentian

Pulau Perhentian terletak kira-kira 21 kilometer dari Kuala Besut, Terengganu. Pulau ini menjadi antara **destinasi pelancongan** yang menarik di negara kita. Pulau ini terkenal dengan keindahan pantainya yang cantik dan pelbagai **hidupan laut** yang mempesona.

Di pulau ini, terdapat sebuah taman laut yang luas. Para pelancong boleh melakukan aktiviti menyelam **dasar laut** di taman laut ini. Pengunjung pasti akan terpujau dengan keindahan dasar lautnya. Pelbagai jenis **terumbu karang** yang cantik boleh ditemukan di sini.



Selain itu, hutan tropika di pulau ini turut menjadi tarikan para pengunjung. Mereka pasti akan **terpesona** dengan keindahan alam ciptaan Tuhan di sini. Kehijauan hutannya pasti akan memberikan **kepuasan** kepada para pengunjung yang melakukan aktiviti **kembara**.



## Aktiviti

Berpandukan maklumat di atas, terangkan keunikan Pulau Perhentian dengan menggunakan ayat sendiri.



IMBAS SAYA

Bina ayat ucapan yang sesuai berdasarkan situasi di bawah.


### Promosi Pakej Percutian

Rakan Samson, Kamal dan keluarga telah mengikuti pakej percutian empat hari tiga malam di Kuching, Sarawak. Kedatangan mereka telah disambut oleh kakitangan hotel yang ramah.

#### Pakej Percutian Empat Hari Tiga Malam

**RM350.00 SEORANG**

- Minuman ringan percuma semasa tiba di hotel.
- Penginapan yang selesa dan dilengkapi dengan alat pendingin hawa.
- Makan: Tiga kali sehari - Sarapan, makan tengah hari dan makan malam.
- Perjalanan pergi dan balik ke Taman Negara Bako.
- Lawatan ke Rumah Budaya, Sarawak.
- Lawatan ke Muzium Kuching.
- Bersiar-siar di sekitar Bandar Kuching.



Selamat datang ke hotel kami.  
Sila daftar di kaunter.

Terima kasih.

Terima kasih.

Terima kasih.

 **Aktiviti**

Hasilkan brosur pakej pelancongan di tempat anda.



## Penilaian 19


A Ceritakan keistimewaan tempat pelancongan di negeri pilihan anda.

### Destinasi Pelancongan



- B Samson, Jane dan rakan-rakannya ingin berkunjung ke Taman Rekreasi Cabang Tiga. Mereka berpakat untuk bertemu di tepi tasik. Dengan berpandukan peta di bawah, bantu mereka menuju ke tempat berkenaan.

### Taman Rekreasi Cabang Tiga





## Mendengar dan Bertutur

Lakonkan perbualan berikut.

### Persediaan Lawatan

- Izalia: Kamu dari mana, Morgan?
- Morgan: Saya dari bank.
- Izalia: Kamu pergi dengan siapa?
- Morgan: Saya pergi dengan ibu saya.
- Izalia: Kamu menyimpan wangkah?
- Morgan: Tidak. Saya keluarkan wang untuk bayaran lawatan ke Melaka.
- Izalia: Kamu gunakan kad bank atau keluarkan wang di kaunter?
- Morgan: Saya keluarkan wang di kaunter. Jadi, saya perlu isi borang dan menunjukkan buku simpanan kepada kerani bank.
- Izalia: Lamakah isi borang itu?
- Morgan: Tidak. Maklumat yang diperlukan sedikit sahaja. Awak tidak pernah keluarkan wang di kaunter?
- Izalia: Tidak pernah. Ada salinan borang itu?
- Morgan: Ada. (*Morgan menunjukkan salinan borang pengeluaran kepada Izalia*).
- Izalia: Tentu tidak banyak pelanggan di kaunter.
- Morgan: Ya. Selalunya pelanggan menggunakan kad untuk mengeluarkan wang mereka.
- Izalia: Dengan kad, kita tidak perlu mengisi borang.
- Morgan: Betul.



### Aktiviti

Ceritakan pengalaman anda semasa mengeluarkan wang di bank.







## Membaca

Baca kemudian fahami jadual lawatan berikut.

### Melaka Bandar Raya Bersejarah

Sebelum tamat taklimat lawatan ke Melaka, Cikgu Dali telah memberikan jadual lawatan kepada murid-muridnya.

7

#### Hari Pertama

Masa	Aktiviti
7:00 pagi	Peserta rombongan berkumpul di dewan sekolah.
7:15 pagi	Taklimat ringkas disampaikan oleh guru pengiring.
7:30 pagi	Bas bergerak ke Melaka.
10:00 pagi	Bas dijangka tiba di Banda Hilir, Melaka. Lawatan ke Kota A'Famosa, The Stadthuys dan Bukit St. Paul.
12:30 tengah hari	Makan tengah hari di Dataran Pahlawan.
2:00 petang	Lawatan ke Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan.
5:00 petang	Solat Asar dan Zuhur di Masjid Kampung Hulu, Banda Hilir.
6:00 petang	Daftar masuk ke bilik penginapan.
8:00 malam	Menonton persembahan Kebudayaan di Kampung Portugis.

#### Hari Kedua

Masa	Aktiviti
8:30 pagi	Mengunjungi Istana Kesultanan Melaka, Kota Pahlawan, Kota Belanda dan menaiki Menara Taming Sari.
12:00 tengah hari	Melawat Perigi Hang Tuah.
1:30 tengah hari	Makan tengah hari di Alor Gajah.
2:30 petang	Solat Zuhur dan Asar di Masjid Simpang Ampat, Alor Gajah.
3:30 petang	Melawat Makam Dol Said di Simpang Ampat, Alor Gajah.
5:00 petang	Bergerak pulang.
7:30 malam	Bas dijangka tiba di pekarangan sekolah.



## Aktiviti

Nyatakan tempat-tempat yang akan dilawati.

Lengkapkan borang pengeluaran wang.

## Pengeluaran Wang

Chin Fei pergi ke bank bersama-sama bapanya untuk mengeluarkan wang. Dia hendak mengikuti lawatan ke Melaka anjuran sekolahnya. Bapa telah membantunya mengisi borang pengeluaran wang.





## Penilaian 20

A Lengkapkan ayat berdasarkan gambar dan teks.

7



A'Famosa

1 bekas bangunan penjajahan

A'Famosa merupakan bekas  
bangunan penjajahan Portugis.



Muzium Istana Kesultanan  
Melayu Melaka

2 simbol kemasyhuran pemerintah  
kerajaan Melayu Melaka

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.



Memorial Pengisytiharan  
Kemerdekaan

3 memperingati detik kemerdekaan

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.



Masjid Kampung Hulu

4 antara masjid yang tertua di Malaysia

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

- B** Secara berkumpulan, ringkaskan maklumat di bawah dengan menggunakan bahan grafik.

## Laporan Lawatan ke Melaka Bandar Raya Bersejarah

Pada hujung minggu yang lalu, Persatuan Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Indah Jaya telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Melaka Bandar Raya Bersejarah. Seramai 40 orang murid dan empat orang guru turut serta dalam lawatan itu. Sebelum bertolak, Cikgu Dali telah memberikan taklimat ringkas berkaitan dengan lawatan dan disiplin yang perlu dipatuhi.

Bas mula bertolak pada pukul 8:30 pagi dan tiba di Banda Hilir dua jam selepas itu. Tempat pertama yang dikunjungi ialah Kota A'Famosa dan Bukit St. Paul. Banyak kesan sejarah dapat dilihat di sana hasil peninggalan penjajah. Selepas itu, peserta rombongan dibawa melawat sekitar bangunan The Stadthuys, iaitu bangunan berwarna merah peninggalan penjajah Belanda.

Selepas solat Zuhur di Masjid al-Azim, peserta rombongan dibawa ke Taman Rempah Ratus di Jalan Syahbandar. Di sana, peserta berpeluang untuk menaiki bot Melaka River Cruise menyusuri Sungai Melaka. Mereka berpeluang membeli cenderamata semasa berjalan-jalan di Dataran Pahlawan sebelum bertolak pulang pada pukul 6:30 petang.

Bas selamat tiba di pekarangan sekolah pada pukul 9:00 malam.

Dilaporkan oleh,

Tarikh: 19 April 20□□

*Fatin*

(FATIN BINTI AHMAD)

Setiasaha Persatuan Bahasa Melayu,  
Sekolah Menengah Kebangsaan Indah Jaya.

- C Anda telah terbaca dua tawaran pakej percutian menarik ke Melaka. Rancang perjalanan percutian anda dengan berdasarkan tawaran pakej percutian yang anda pilih. Berikan pendapat anda tentang pakej tersebut.

## Pakej Percutian

### PAKEJ A

(RM280.00 SEORANG)

#### PAKEJ DAN LAWATAN TIGA HARI DUA MALAM DI BANDA HILIR, MELAKA

##### PAKEJ TERMASUK

Dua kali sarapan,  
makan tengah hari, sekali makan malam

Lawatan ke Menara Taming Sari,  
A'Famosa, Bukit St. Paul,  
Melaka River Cruise  
dan membeli-belah  
di Dataran Pahlawan

Lawatan ke The Stadthuys,  
Taman Mini Malaysia  
dan Mini Asean

##### TIDAK TERMASUK TIKET MASUK

Menara Taming Sari  
(RM17.00 dewasa, RM11.00 kanak-kanak)

Melaka River Cruise  
(RM10.00 dewasa, RM5.00 kanak-kanak)

Taman Mini Malaysia  
dan  
Mini Asean  
(RM18.00 dewasa, RM10.00 kanak-kanak,  
RM12.00 murid)

### PAKEJ B

(RM250.00 SEORANG)

#### PAKEJ DAN LAWATAN DUA HARI SATU MALAM DI BANDAR RAYA, MELAKA

##### PAKEJ TERMASUK

Pengangkutan dari sekitar  
Lembah Klang

Penginapan satu malam  
di hotel empat bintang  
untuk tiga orang sebilik

Lawatan ke Jonker Walk

Lawatan ke The Stadthuys

Menaiki Menara Taming Sari

Menaiki Melaka River Cruise

Makan tengah hari  
di Restoran Baba Nyonya

##### HARGA TERMASUK BAYARAN TIKET MASUK



## Mendengar dan Bertutur

Lakonkan dialog di bawah.

### Jalan-jalan di Muar

Chin Fei dan Fatin sedang bercuti di Bandar Maharani, Muar. Mereka hendak ke Hutan Lipur Gunung Ledang, Tangkak. Mereka memerhatikan papan tanda penunjuk arah jalan agar tidak sesat.

7



Melaka



Tangkak

Batu Pahat

Fatin, berapakah jauh Hutan Lipur Gunung Ledang?

Kalau dari bandar Muar, 50 kilometer sahaja.

Berapakah jauh Tangkak dari bandar Muar?

Jauhnya 30 kilometer sahaja.



### Aktiviti

Ceritakan perjalanan dari rumah anda ke sekolah.



## Membaca

Baca pantun di bawah. Berikan makna perkataan yang berhuruf tebal.

### Muar Bandar Diraja



Bendera daerah Muar

Bandar Permaisuri nama diberi,  
Indah menawan **warisan** berzaman;  
Muar **disinari** cahaya berseri,  
Ibarat rupawan penyeri di taman.

Sultan Ibrahim pemerintah cemerlang,  
Isytihar **menitah** sejarah kota;  
Silaturahim erat setia dijulang,  
Turutnya perintah rakyat **jelata**.

Memetik bendi untuk dijaja,  
Daun selasih juga kacip fatimah;  
Muar menjadi bandar diraja,  
Bandar bersih rakyat **berhemah**.

Pokok seroja tidak terbilang.  
Pokok berembang di tepi keladi;  
Bandar Diraja melakar gemilang,  
Semoga berkembang kekal **abadi**.



## Aktiviti

Ceritakan keunikan bandar Muar.

Lengkapkan ayat di bawah.

## Sejarah Muar



Bandar Maharani atau Muar telah dibuka oleh Muhammad Salleh bin Perang, iaitu Datuk Bentara Luar pada tahun 1885. Bandar ini telah dirasmikan oleh Almarhum Maharaja Abu Bakar pada 12 Ogos 1887. Bandar Muar diberikan nama Bandar Maharani yang bermaksud Bandar Isteri Maharaja.

Sempena sambutan 125 tahun Bandar Maharani, Muar telah diisytiharkan sebagai Bandar Diraja Negeri Johor Darul Takzim pada 5 Februari 2012, bersamaan 12 Rabiulawal 1433 Hijrah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim.

Muar pernah menjadi sebuah kerajaan merdeka dan berdaulat yang diperintah oleh Sultan Ali (1855 – 1877). Semasa pemerintahan Maharaja Sultan Abu Bakar, Muar diberikan taraf sebagai sebuah negeri dan Bandar Maharani merupakan ibu negerinya. Dari segi pentadbiran pula, bandar Muar dibahagikan kepada 18 mukim. Kini, Muar menjadi daerah kedua penting selepas Johor Bahru.

(Diubah suai daripada [www.mpmuar.gov.my](http://www.mpmuar.gov.my))

1. Muar telah dibuka oleh \_\_\_\_\_.
2. Muar menjadi \_\_\_\_\_ penting selepas Johor Bahru.
3. Terdapat \_\_\_\_\_ di bawah pentadbiran bandar Muar.
4. Muar pernah menjadi sebuah kerajaan \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.
5. Bandar Muar diberi nama \_\_\_\_\_ yang bermaksud Bandar Isteri Maharaja.

## Aktiviti

Tulis sejarah ringkas daerah tempat tinggal anda.






## Penilaian 2 I

A Bina ayat berpandukan frasa yang diberikan.

7



**B** Lengkapi teka silang kata di bawah.

**Mendatar**

2. Bandar Diraja Johor ialah \_\_\_\_\_.
3. Bandar Muar di \_\_\_\_\_ kan oleh Maharaja Abu Bakar.
7. Makanan popular Muar ialah mi \_\_\_\_\_.
8. Terdapat 18 buah \_\_\_\_\_ dalam daerah Muar.

**Menegak**

1. Bandar Diraja menjadi \_\_\_\_\_ zaman-berzaman.
4. Muar pernah menjadi sebuah kerajaan merdeka dan ber \_\_\_\_\_.
5. Bandar Maharani pernah menjadi \_\_\_\_\_ negeri Muar.
6. Masjid Sultan Ibrahim terletak di \_\_\_\_\_ Sungai Muar di Jalan Petri.

			1 w				
							6 t
2			r				
							b
	3 r				5 i		
	7 b			4 d			
			8 m				m
				t			

C Lengkapkan perenggan di bawah dengan perkataan yang sesuai.

Bandar Diraja

gambir

pelancong

berucap

menghubungkan

maju



### **Menteri Besar: Pengisytiharan Bandar Maharani Bandar Diraja amat Wajar**

MUAR, 24 November 2012 – Pengisytiharan Bandar Maharani sebagai \_\_\_\_\_ adalah amat wajar selaras dengan sejarah Muar yang unik. Demikian kata Menteri Besar Johor sewaktu \_\_\_\_\_ dalam majlis pengisytiharan Bandar Maharani Bandar Diraja kelmarin.

“Suatu ketika dahulu, Muar mempunyai jalan kereta api yang \_\_\_\_\_ bandar ini dengan Parit Jawa,” kata beliau.

“Muar telah pun berkembang \_\_\_\_\_ dalam bidang pertanian. Penanaman \_\_\_\_\_ dan lada hitam pernah menjadi sumber ekonomi bagi daerah ini, yang merupakan bandar kedua terpenting di negeri Johor Darul Takzim,” tambah beliau lagi.

Bandar Maharani sangat bertuah kerana bandarnya dibina di muara Sungai Muar sejak 125 tahun lalu. Bandar ini turut memiliki persekitaran yang tenang dan berjaya menarik perhatian \_\_\_\_\_ untuk berkunjung ke sini.

(Diubah suai daripada [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my))



## Jom Berkomunikasi

A Bina soalan berdasarkan jawapan yang diberikan.

### Sejarah Negeri Johor

Encik Shafie: Selamat datang ke Pameran Sejarah Negeri Johor. Saya sedia membantu anda.

Samson: Terima kasih. Betulkah \_\_\_\_\_?

Encik Shafie: Ya, Sultan Alaudin telah membuka kerajaan Johor.

Jane: Bukankah Sultan Alaudin berasal dari Melaka?  
Bilakah baginda \_\_\_\_\_?

Encik Shafie: Benar, baginda memang berasal dari Melaka. Baginda telah membuka negeri Johor selepas Melaka ditawan oleh Portugis pada tahun 1511.

Morgan: Oh, begitu! Bilakah negeri Johor \_\_\_\_\_?

Encik Shafie: Negeri Johor telah berkembang sebagai sebuah negeri yang moden pada awal abad ke-16 lagi, iaitu semenjak pemerintahan Sultan Abu Bakar.

Samson: \_\_\_\_\_ yang digunakan oleh baginda ketika itu?

Encik Shafie: Baginda menggunakan gelaran Seri Maharaja Johor.

Jane: Di manakah \_\_\_\_\_?

Encik Shafie: Dahulu, pusat pemerintahan negeri Johor terletak di Teluk Belanga. Namun begitu, baginda telah memindahkannya ke Tanjung Puteri, iaitu nama asal Johor Bahru.

Morgan: Oh, begitu! Mengapakah \_\_\_\_\_?

Encik Shafie: Baginda memindahkan pusat pentadbiran demi pembangunan negeri Johor. Oleh sebab itu, banyak bangunan pentadbiran seperti mahkamah, balai polis dan istana di Bukit Serene juga dibina di Johor Bahru pada tahun 1937.

**B** Susun huruf supaya menjadi perkataan yang betul berdasarkan kod rahsia di bawah.

i. Kod rahsia

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13
a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m
14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26
n	o	p	q	r	s	t	u	v	w	x	y	z

ii. Contoh

16	21	12	1	21	16	5	18	8	5	14	20	9	1	14
p	u	l	a	u	p	e	r	h	e	n	t	i	a	n

1

16	21	12	1	21	19	9	2	21
----	----	----	---	----	----	---	---	----

2

16	21	12	1	21	11	1	16	1	19
----	----	----	---	----	----	---	----	---	----

3

16	21	12	1	21	20	9	15	13	1	14
----	----	----	---	----	----	---	----	----	---	----

4

16	21	12	1	21	16	1	14	7	11	15	18
----	----	----	---	----	----	---	----	---	----	----	----

5

16	21	12	1	21	12	1	14	7	11	1	23	9
----	----	----	---	----	----	---	----	---	----	---	----	---

# TEMA 8

## SEMANGAT KEJIRANAN





**Mendengar dan Bertutur**

Bina lima soalan yang sesuai berdasarkan jadual tugas yang disediakan.

**Rukun Tetangga Taman Setia Jaya**

8

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Setia Jaya telah menyediakan jadual tugas kepada setiap anggota KRT. Bapa Samson turut terlibat dalam tugas tersebut. Beliau berada dalam Kumpulan Kasturi.

**KAWASAN RUKUN TETANGGA  
TAMAN SETIA JAYA**

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

**JADUAL BERTUGAS RONDAAN KRT TAMAN SETIA JAYA**

Aktiviti	Masa/Hari	Kumpulan
Rondaan	Isnin hingga Rabu	
	1:00 hingga 2:00 pagi	Kumpulan Lekir
	2:00 hingga 3:00 pagi	Kumpulan Tuah
	3:00 hingga 4:00 pagi	Kumpulan Jebat
	Khamis hingga Sabtu	
	1:00 hingga 2:00 pagi	Kumpulan Lekiu
	2:00 hingga 3:00 pagi	Kumpulan Kasturi
	3:00 hingga 4:00 pagi	Kumpulan Bendahara
Riadah	Ahad	
	7:30 hingga 8:30 pagi	semua dijemput hadir



**Aktiviti**

Mengapakah Rukun Tetangga diwujudkan di kawasan kejiranan?





## Membaca

Baca petikan di bawah, kemudian berikan maksud perkataan yang berhuruf tebal.

### Sayangi Komuniti

# PROGRAM SAYANGI KOMUNITI TEMA: JELAJAH KHIDMAT KOMUNITI

ANJURAN KRT TAMAN SETIA JAYA  
DENGAN KERJASAMA  
JABATAN PERPADUAN NEGARA  
DAN INTEGRASI NASIONAL (JPNIN)

8

Pada minggu lalu, Samson dan bapanya terlibat dalam **Program** Sayangi Komuniti di kawasan taman mereka. Mereka bekerjasama untuk memastikan kelancaran program ini. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan **Integrasi** Nasional (JPNIN). Tujuannya adalah untuk mengenal pasti golongan yang memerlukan bantuan. Selain itu, program itu juga bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada anggota yang telah berjasa.

Bapa Samson dan kumpulannya telah menerima sijil penghargaan. Mereka telah berjaya **memberkas** sekumpulan pencuri yang cuba memecah masuk ke rumah seorang jiran. Kejadian ini berlaku pada pukul 2:30 pagi sewaktu mereka sedang membuat **rondaan**. Pihak polis mengucapkan tahniah dan **syabas** atas keberanian mereka. Mereka berasa gembira kerana telah dihargai. Program yang diadakan pada hari ini diharap dapat mengeratkan hubungan antara anggota masyarakat dengan KRT.



## Aktiviti

1. Apakah tujuan program tersebut diadakan?
2. Apakah kejayaan yang telah dicapai oleh kumpulan bapa Samson?
3. Berikan nilai murni yang diperoleh berdasarkan cerita tersebut.



Baca petikan di bawah. Cipta dan tulis kad ucapan tahniah.

### **Tahniah, Ayah!**

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di kawasan rumah Fatin telah mengadakan mesyuarat untuk melantik Ahli Jawatankuasa (AJK) KRT yang baharu. Setelah selesai mesyuarat dan pemilihan AJK, majlis pelantikan diadakan. Bapa Fatin, Encik Ahmad telah dilantik menjadi Pengerusi KRT yang baharu. Fatin berasa sungguh gembira. Dia hendak meluahkan kegembiraannya dalam bentuk kad ucapan. Fatin mencipta kad ucapan tahniah untuk bapanya.

 **Aktiviti**

Ceritakan aktiviti yang telah dijalankan oleh jawatankuasa penduduk di tempat tinggal anda.



## Penilaian 22

A Perihalkan gambar di bawah.

1



2



3



4



5




- B Cikgu Shanti hendak mengadakan permainan membina ayat. Anda boleh bermain permainan ini secara berkumpulan.

Bahan yang diperlukan:



Empat keping kertas pelbagai warna.



Kertas yang mengandungi ayat dipotong empat.



Dua keping sampul surat.

Peraturan permainan:

1. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan.
2. Guru mengedarkan sampul surat kepada setiap kumpulan.
3. Guru mengarahkan ketua kumpulan membuka sampul surat.
4. Ketua kumpulan mengagihkan kertas berwarna yang mempunyai perkataan kepada rakan.
5. Murid bergerak mencari pasangan yang mempunyai kertas yang sama.
6. Murid menyusun perkataan mengikut kertas warna yang sama secara kumpulan.
7. Murid menulis ayat yang telah disusun dalam buku latihan.



Contoh ayat:

Ahli

rukun tetangga

sedang

membuat rondaan



## Mendengar dan Bertutur

Berikan pendapat anda tentang peristiwa yang terdapat dalam gambar di bawah.

### Kunjungan Jiran

Cikgu Najah telah menunjukkan sekeping gambar kepada murid-muridnya. Berdasarkan gambar tersebut, beliau meminta murid-muridnya menceritakan peristiwa yang berlaku.



### Aktiviti

Ceritakan pengalaman anda dalam aktiviti kemasyarakatan.



## Membaca

Baca petikan di bawah, kemudian nyatakan isi-isi penting.

### Pupuk Semangat Kejiranan

Dalam kesibukan melaksanakan tugas harian, kita janganlah mementingkan diri sendiri, bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing. Janganlah kita mengabaikan jiran dan membiarkan mereka bersendirian.

Semangat kejiranan boleh dipupuk melalui aktiviti gotong-royong. Melalui aktiviti ini, jiran dapat berkumpul dan bekerjasama di samping bertanya khabar antara satu sama lain. Aktiviti sebegini dapat menjamin keharmonian masyarakat.

Anggota masyarakat juga disarankan untuk mengadakan majlis rumah terbuka semasa sesuatu sambutan perayaan. Amalan ini dapat membentuk ikatan silaturahim dan memperkukuh semangat kejiranan.

Menziarahi jiran dapat mengeratkan persahabatan. Melalui aktiviti ini, jiran boleh bercerita tentang pengalaman masing-masing.

Kesimpulannya, aktiviti seperti ini dapat menambah keakraban dan keharmonian sesama jiran.



## Aktiviti

1. Mengapakah semangat kejiranan perlu dipupuk?
2. Bagaimanakah cara untuk memupuk semangat kejiranan?



## Menulis

Perhatikan gambar di bawah dengan teliti, kemudian isi tempat kosong dengan frasa yang sesuai.

### Bersama-sama Menjaga Kebersihan

tidak cedera

lori sampah

kesihatan keluarga

menjaga kebersihan

mengelakkan habuk

8



1. Kita harus berusaha \_\_\_\_\_ persekitaran kita.
2. Sampah sarap yang dikumpulkan dimasukkan ke dalam \_\_\_\_\_.
3. Kebersihan kawasan rumah dapat menjamin \_\_\_\_\_.
4. Topeng muka dapat \_\_\_\_\_ masuk ke dalam mulut.
5. Sarung tangan dipakai semasa gotong-royong supaya tangan kita \_\_\_\_\_.

## Aktiviti

Senaraikan frasa nama dan frasa kerja yang terdapat dalam gambar di atas.



## Penilaian 23

A Baca kemudian terangkan kepentingan gotong-royong.

Cikgu Dali menerangkan kepentingan gotong-royong kepada murid-muridnya. Antara kepentingan gotong-royong ialah:

8



### 1 kerja dapat dilakukan dengan cepat

- menjimatkan masa
- saling membantu

### 2 mengeratkan hubungan silaturahim

- dapat beramah mesra
- mengenali antara satu sama lain

### 3 memupuk perpaduan antara kaum

- menghormati dan menghargai antara satu sama lain
- mengelakkan permusuhan dan perselisihan faham

### 4 menjimatkan wang dan tenaga

- aktiviti dilakukan dengan semangat bermasyarakat dan ikhlas
- tidak memerlukan modal yang besar

### 5 menjaga kebersihan dan keceriaan sesuatu kawasan

- persekitaran menjadi lebih bersih dan indah
- penduduk dapat melakukan aktiviti riadah dengan selesa

B Perihalkan setiap gambar di bawah dengan menggunakan ayat anda sendiri.



majlis kenduri



sukaneka

**Aktiviti Bersama-sama  
Jiran**



gotong-royong



membersihkan surau



C Secara berkumpulan, susun frasa di bawah menjadi ayat yang lengkap.

1

program  
'jiran prihatin'

telah menghadiri

penduduk Taman  
Setia

\_\_\_\_\_.

8

2

wajar diamalkan

di kawasan  
kejiranan

sikap saling  
membantu

\_\_\_\_\_.

3

sesama jiran  
tetangga

saling menghormati

ialah amalan mulia

\_\_\_\_\_.

4

aktiviti  
gotong-royong

perpaduan antara  
kaum

dapat dipupuk  
melalui

\_\_\_\_\_.

5

bertanggungjawab  
menjaga

kebersihan  
kawasan

jiran  
tetangga

\_\_\_\_\_.



## Mendengar dan Bertutur

Jelaskan ciri-ciri jiran yang baik berdasarkan maklumat yang diberikan.

### Eratkan Persaudaraan



8

Ciri-ciri jiran yang baik:

1. Tidak sombong.
2. Prihatin antara satu sama lain.
3. Tidak mengganggu ketenteraman jiran.
4. Saling menghormati antara satu sama lain.
5. Kunjung-mengunjung pada hari perayaan.
6. Bertegur sapa apabila bertemu atau terserempak.
7. Menolong antara satu sama lain apabila ditimpa masalah.
8. Mengundang mereka apabila mengadakan suatu majlis seperti rumah terbuka.



### Aktiviti

Secara berkumpulan, bincangkan adab dalam pergaulan sesama jiran.



## Membaca

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan yang diberikan.

### Jiran Sepakat Membawa Berkat



Kehidupan bermasyarakat memerlukan persefahaman. Dalam hidup berjiran, kita perlu mewujudkan masyarakat yang saling mengambil berat antara satu sama lain, bak kata pepatah, yang buta dipimpin, yang sakit dizarah.

Sikap bertolak ansur dan saling menghormati perlu diamalkan. Keadaan ini akan menggalakkan persefahaman dan keharmonian antara jiran. Peribahasa ada menyebut, bulat air kerana pemetung, bulat kata kerana muafakat. Oleh itu, jadilah jiran yang prihatin agar dapat menjadi teladan kepada generasi muda. Kita harus bersatu hati untuk mengekalkan dan mengukuhkan semangat kejiranan.

Kesimpulannya, untuk menjadi seorang jiran yang baik, kita tidak patut mementingkan diri sendiri. Kita harus sentiasa bersangka baik kepada jiran, kerana jiran sepakat membawa berkat.



## Aktiviti

1. Nyatakan ciri-ciri jiran yang baik berdasarkan petikan di atas.
2. Jelaskan cara untuk menjadi seorang jiran yang baik.

Tandakan (✓) pada adab yang baik, kemudian bina ayat lengkap.

### Indahnya Hidup Berjiran

#### Jiran yang beradab

1. hidup tenang

2. dapat menambah kenalan

3. bertegur sapa ketika bertemu

4. terpinggir daripada masyarakat

5. menjamin keselamatan setempat

6. tidak dapat memupuk perpaduan

7. menjaga keharmonian masyarakat

8. memberikan bantuan ketika kecemasan

9. menjejaskan keharmonian hidup bermasyarakat

10. sukar mendapat pertolongan ketika dalam kesusahan

#### Aktiviti

1. Senaraikan nama jiran anda.
2. Nyatakan aktiviti yang sering anda lakukan bersama-sama jiran.



## Penilaian 24

A Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

keluar berniaga

penjual ayam

kenduri kesyukuran

baik hati

potongan harga

dimasak rendang

membeli ayam

pasar malam

8



Pak Abu seorang \_\_\_\_\_. Beliau berniaga di \_\_\_\_\_. Pada suatu hari, jiran sebelah rumahnya, Encik Azman datang ke gerainya untuk \_\_\_\_\_. Encik Azman hendak mengadakan \_\_\_\_\_ sempena menyambut kepulangan anaknya yang baharu tamat belajar. Encik Azman hendak membeli tiga ekor ayam untuk \_\_\_\_\_.

Apabila Encik Azman hendak membayar harga ayam tersebut, Pak Abu memberikan \_\_\_\_\_ kepadanya. Encik Azman merupakan jirannya yang \_\_\_\_\_. Encik Azman sering membantu mengawasi rumah Pak Abu ketika beliau \_\_\_\_\_. Pak Abu dan Encik Azman mempunyai ciri-ciri jiran yang baik dan prihatin.

**B** Gariskan frasa nama yang terdapat dalam ayat di bawah.



- 1 Adik Fatim menyertai pertandingan mewarna.
- 2 Penganjur pertandingan menyediakan pensel warna.
- 3 Kanak-kanak yang bertanding itu sangat comel.
- 4 Mereka mewarnakan gambar dengan perasaan gembira.
- 5 Pensel warna diletakkan di dalam bekas.
- 6 Ibu atau bapa menemani anak mereka.

C Bincangkan maklumat di bawah secara berkumpulan.

8

### Cara-cara Menghormati Jiran



## Jom Berkomunikasi

A Berikan cadangan anda berdasarkan situasi berikut.

Keluarga Izalia akan berpindah ke Taman Setia Jaya. Ahli Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Setia Jaya telah mengadakan mesyuarat untuk meraikan mereka. Bapa Samson turut serta dalam mesyuarat tersebut dan telah memberikan cadangannya.

Saya mencadangkan supaya kita mengadakan jamuan ringan kepada jiran baharu. Kita juga boleh membantu beliau mengangkat barang.



persiapan untuk jamuan



mengangkat barang



**B** Susun gambar mengikut urutan yang betul. Bina ayat lengkap berdasarkan gambar yang diberikan.

8



menelefon pihak polis



ternampak pencuri



mengucapkan terima kasih



ditangkap polis

## TEMA 9

# PENGURUSAN KEWANGAN



**BSN** BUKANG MAKLUMAT PELANGGAN  
CUSTOMER INFORMATION FORM

**PELABURAN / PENEBUSAN / PINDAHAN**  
INVESTMENT / REDEMPTION / TRANSFER

DEPOSIT / BAYARAN / TUNTUTAN

PENGELUARAN / PENEBUSAN / PINDAHAN  
DISBURSEMENT / REDEMPTION / TRANSFER

163



## Mendengar dan Bertutur

Fahami gambar di bawah dan bincangkan.

### Impianku

9

Amalan menabung ialah perbuatan mengumpul dan menyimpan wang untuk maksud tertentu. Banyak kebaikan yang akan kita peroleh jika kita menabung. Wang yang telah dikumpul boleh disimpan di bank. Wang tersebut dapat digunakan untuk membeli barang keperluan kita.



### Aktiviti

Amalan menabung memberikan banyak kebaikan. Berikan pendapat anda.





## Membaca

Baca petikan di bawah, kemudian fahami makna perkataan yang berhuruf tebal.

### Faedah Menyimpan Wang di Bank

Assalamualaikum dan selamat sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi Majlis, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Indah Jaya, guru-guru serta rakan-rakan sekalian. Pada pagi yang indah ini, saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk “Faedah Menyimpan Wang di Bank”.

Hadirin yang dihormati,

Amalan menyimpan wang tabungan di bank banyak memberikan manfaat kepada kita. Kebaikan menyimpan wang ialah kita akan mendapat **keuntungan**. Bank merupakan tempat yang selamat untuk menyimpan wang. Sebagai contoh, bayaran **elaun** yang diterima oleh murid berkeperluan khas juga boleh **dikreditkan** terus ke dalam akaun bank mereka. Wang yang disimpan dalam bank lebih terjamin.

Hadirin sekalian,

Wang boleh disimpan di bank dalam bentuk **saham** atau **bon**. Saham yang disimpan akan dibayar **dividen**. Kita boleh menyimpan dalam bentuk simpanan tetap atau akaun simpanan semasa. Kita juga digalakkan untuk membuat simpanan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-*i*). Melalui skim simpanan ini, kita boleh mendapat pelbagai manfaat.

Seterusnya, amalan menyimpan wang di bank juga membolehkan kita membantu orang lain yang memerlukannya. Hal ini secara tidak langsung akan mengeratkan tali persaudaraan kerana membantu mereka ketika dalam kesusahan. Berdasarkan hujah-hujah di atas, menyimpan wang di bank memberikan banyak faedah kepada kita, bak kata pepatah, sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit.

Sekian, terima kasih.



## Aktiviti

Nyatakan kelebihan menyimpan wang di bank.



Isi borang maklumat peribadi dengan menggunakan kata nama yang sesuai.

## Akaun Simpanan

Borang maklumat peribadi perlu diisi sebelum kita membuka akaun simpanan di bank. Teliti borang ini dan isi maklumat yang diminta dengan kata nama yang betul.

9


**BORANG MAKLUMAT PELANGGAN**  
**CUSTOMER INFORMATION FORM**
No. Pelanggan:

Sila lengkapkan maklumat dengan HURUF BESAR dan tandakan  pada petak yang berkenaan  
 Please fill in relevant details in BLOCK LETTERS and tick  in the appropriate box

Pembukaan Akaun / Pengwujudan Maklumat (Account Opening / Information Register)       Permohonan Kad (Card Application)  
 Kemas Kini Maklumat (Information Update)       Pertukaran Tandatangan / Cap Ibu Jari (Change of Signature/Thumbprint)

**A. BUTIR-BUTIR PEMOHON / PARTICULARS OF APPLICANT**

1. No. KP (IC No.)	<input style="width: 95%;" type="text"/>	No. KP Lama (Old IC No.)	<input style="width: 95%;" type="text"/>
2. Jenis Dokumen Pengenalanan (Type of Identification Document)	<input type="checkbox"/> KP Baru (New IC) <input type="checkbox"/> KP lama (Old IC) <input type="checkbox"/> Sijil Kelahiran (Birth Certificate) <input type="checkbox"/> Lain-lain (others)		
	<input type="checkbox"/> Kad Kuasa Polis (Police) <input type="checkbox"/> MyTentera (Army) <input type="checkbox"/> No. Pasport (Passport No.) <input style="width: 100px;" type="text"/>		
3. Warganegara (Citizenship)	<input type="checkbox"/> Malaysia (Malaysian) <input type="checkbox"/> Penduduk Tetap (Permanent Resident) <input type="checkbox"/> Bukan Warganegara (Non Resident) <input style="width: 100px;" type="text"/> Nyatakan Negara (Specify Country)		
4. Nama (Name)	<input style="width: 95%;" type="text"/>		
5. Gelaran (Title)	<input type="checkbox"/> Encik (Mr) <input type="checkbox"/> Puan (Mrs) <input type="checkbox"/> Cik (Miss) <input type="checkbox"/> Lain-lain (others) <input style="width: 50px;" type="text"/> (Dr. / Dato' / Datuk Seri / Tan Sri)		
6. Tarikh Lahir (Date of Birth)	<input style="width: 95%;" type="text"/>		
7. Status Perkahwinan (Marital Status)	<input type="checkbox"/> Bujang (Single) <input type="checkbox"/> Berkahwin (Married) <input type="checkbox"/> Balu (Widowed) <input type="checkbox"/> Lain-lain (Others) <input style="width: 50px;" type="text"/>		
8. Jantina (Gender)	<input type="checkbox"/> Lelaki (Male) <input type="checkbox"/> Perempuan (Female)		
9. Agama (Religion)	<input type="checkbox"/> Islam (Muslim) <input type="checkbox"/> Bukan Islam (Non-Muslim)		
10. Bangsa (Race)	<input type="checkbox"/> Bumiputera (Native) <input type="checkbox"/> Cina (Chinese) <input type="checkbox"/> India (Indian) <input type="checkbox"/> Lain-lain (Others) <input style="width: 50px;" type="text"/>		

**B. ALAMAT / ADDRESS**

1. Alamat Tetap (Permanent Address)	<input style="width: 95%;" type="text"/>
	Poskod (Postcode) <input style="width: 50px;" type="text"/> Negeri (State) <input style="width: 50px;" type="text"/>
2. Alamat Surat-Menyurat (Mailing Address)	<input style="width: 95%;" type="text"/>
	Poskod (Postcode) <input style="width: 50px;" type="text"/> Negeri (State) <input style="width: 50px;" type="text"/>
3. Nama & Alamat Majikan (Employer Name & Address)	<input style="width: 95%;" type="text"/>
	Poskod (Postcode) <input style="width: 50px;" type="text"/> Negeri (State) <input style="width: 50px;" type="text"/>
4. Emel (Email)	<input style="width: 95%;" type="text"/>

**C. NO. TELEFON / TELEPHONE NO.**

1. No. Tel. Rumah (Home Phone No.) <input style="width: 20px;" type="text"/> - <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/>	2. No. Tel. Pejabat (Office Phone No.) <input style="width: 20px;" type="text"/> - <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/>
3. No. Tel. Mobile (Mobile Phone No.) <input style="width: 20px;" type="text"/> - <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/>	4. No. Faks (Fax No.) <input style="width: 20px;" type="text"/> - <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/>

**D. JENIS AKAUN & PRODUK / ACCOUNT & PRODUCT TYPE**

1. Jenis Produk / Skim	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
------------------------	----------------------	----------------------	----------------------

### Aktiviti

Senaraikan kata nama yang terdapat dalam borang.





## Penilaian 25

A Fahami situasi di bawah.

Fatin dan rakan-rakannya sedang berbincang untuk mengadakan jamuan akhir tahun. Mereka merancang untuk memberikan kejutan kepada guru kelas mereka. Mereka bersetuju untuk mula menabung. Kos jamuan berjumlah RM140.00. Duit tabungan tersebut akan digunakan untuk menyediakan jamuan dan cenderamata kepada semua murid di dalam kelas.

Berdasarkan jadual di bawah, bantu Fatin dan rakan-rakannya untuk mengutip wang tersebut.

Nama/Minggu	M1	M2	M3	M4	M5	Jumlah (RM)
FATIN						10
HANA						10
CHIN FEI						10
IZALIA						10
MORGAN						10
SAMSON						10
JANE						10
NURUL						10
MUTHU						10
HUI LEE						10
ARIF						10
IZUDIN						10
JESICA						10
NABILA						10
<b>Jumlah (RM)</b>						<b>140</b>

B Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

### Aku sebagai Sebuah Tabung

mengira

berkhidmat

wang kertas dan syiling

dengan wang

mengumpul

ramai pengunjung

kedai cenderamata

sebuah bank

9



Aku sebagai sebuah tabung. Aku dipamerkan di sebuah \_\_\_\_\_. Aku diletakkan di atas rak kaca. Setiap hari \_\_\_\_\_ yang datang melihatku. Pada suatu hari, seorang budak lelaki telah membeliku. Aku dibawa pulang ke rumah. Aku diletakkan di atas almari di dalam biliknya. Setiap hari aku diisi \_\_\_\_\_. Terdapat pelbagai \_\_\_\_\_ di dalam badanku.

Aku berasa bangga kerana budak lelaki itu menjagaku dengan baik. Beberapa bulan kemudian, badanku pun penuh dengan wang. Budak lelaki itu berasa sangat gembira. Pada suatu hari, aku dibawa ke \_\_\_\_\_. Pegawai bank itu mengambil aku, lalu \_\_\_\_\_ wang yang terkumpul.

Aku berasa gembira kerana tuan aku berjaya \_\_\_\_\_ wang sebanyak RM300.00 dalam masa lima bulan. Tuan aku tersenyum lebar dan terus menyimpan wang tersebut ke dalam akaunnya. Aku masih lagi \_\_\_\_\_ dengan setia dan dijaga dengan baik.




## Mendengar dan Bertutur

Berikan pendapat anda berdasarkan maklumat di bawah.

### Bijak Merancang Perbelanjaan

Cikgu Dali meminta murid-muridnya berbincang tentang cara merancang perbelanjaan secara berhemat.



## Aktiviti

Nyatakan faedah merancang perbelanjaan sebelum berbelanja.





Baca kemudian fahami petikan di bawah.

### Sediakan Payung Sebelum Hujan

Peribahasa sediakan payung sebelum hujan bermaksud kita perlu bersedia untuk menghadapi kemungkinan yang akan berlaku.

Selain itu, peribahasa ini turut dikaitkan dengan sikap suka menabung. Kita perlu mendidik diri kita untuk menabung. Wang yang telah dikumpulkan secara sedikit demi sedikit itu dapat digunakan untuk perkara yang lebih penting.

Penggunaan peribahasa ini berkait rapat dengan kehidupan seharian kita. Kita perlu beringat ketika melakukan sesuatu agar tidak berlaku perkara yang tidak diingini. Selain itu, secara tidak langsung, kita akan turut peka dengan perubahan di persekitaran kita.

Mereka yang memahami peribahasa ini akan lebih sensitif. Mereka tidak melakukan sesuatu yang boleh mendatangkan kemudaratan.

Peribahasa ini juga amat berguna buat murid-murid. Murid-murid yang memahami maksud mendalam peribahasa ini pasti akan sentiasa bersedia. Persediaan awal inilah yang dapat memberikan kelebihan kepada mereka. Hal ini berbeza dengan pelajar lain yang membuat persiapan pada saat-saat akhir.

Kesimpulannya, peribahasa sediakan payung sebelum hujan amat wajar diamalkan dalam kehidupan.



### Aktiviti

1. Apakah maksud peribahasa sediakan payung sebelum hujan?
2. Mengapakah sikap menabung perlu dididik sejak kecil?
3. Berikan peribahasa lain yang boleh dikaitkan dengan sikap suka menabung.



## Menulis

Perhatikan borang di bawah. Kenal pasti maklumat yang perlu diisi.

### Belajar Menyimpan

Cikgu Najah membawa murid-muridnya ke bank untuk menyimpan wang. Cikgu Najah memberikan borang simpanan wang kepada murid-muridnya. Cikgu Najah meminta mereka meneliti maklumat yang terdapat pada borang tersebut. Cikgu Najah membimbing mereka mengisi borang tersebut.

**BSN** DEPOSIT / BAYARAN / TUNTUTAN

Sila gunakan borang berawangan untuk setiap urusan berawangan

GIRD  GIRD+  SEDAR  CHES  Kad Kredit  Bayaran Bil  Tuntutan Pencen 968  Lain-Lain

Pegangan/Pembayaran  Ansuran  Penyelesaian Awal  Spesifikasi (Nyatakan)

Nama: \_\_\_\_\_ No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_

No. Akaun: \_\_\_\_\_ No. Akaun Pencen: \_\_\_\_\_

Bimbitan/Bayaran	Bank/Tempat	No. Cuk	Kod Bank	Komisyen	RM	Sen
<input type="checkbox"/> Cek						
<input type="checkbox"/> Tunai	Ringgit					

Rujukan 1: \_\_\_\_\_ Rujukan 2: \_\_\_\_\_ JUMLAH: \_\_\_\_\_

Rujukan 3/Telefon: \_\_\_\_\_

**SALINAN BANK**

Sila isih meneliti but-butir yang tertera dan mengesahkan bahawa ia adalah benar dan tepat.  
Bayaran bank pegangan / pembayaran diterima TANPA PRAKADIS oleh BSN.  
BSN berhak meneliti akaun anda bagi cek-cek yang dikehendaki tetapi kemudiannya dikembalikan tanpa bayaran.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

TT Pegawai Yang Dibenarkan



## Aktiviti

1. Bagaimanakah anda mengenal pasti borang yang diisi itu betul?
2. Lengkapkan borang simpanan wang.





## Penilaian 26

A Baca kemudian fahami maklumat di bawah.

### Mari Simpan Wang

Hana pergi ke bank untuk menyimpan wang tabungannya. Perkara-perkara berikut perlu dipatuhi untuk memudahkan urusan.

9



mengambil dan mengisi borang simpanan wang



mengambil nombor giliran



menunggu nombor giliran



menyerahkan borang dan wang untuk disimpan

B Fahami rajah di bawah. Bina ayat yang lengkap.



C Berdasarkan gambar, berikan sebab kita perlu mengunjungi tempat tersebut.

### Berjimat Cermat Amalan Kita



Kedai Kain Rakyat 1 Malaysia



Klinik 1 Malaysia



## Mendengar dan Bertutur

Berikan pendapat anda berdasarkan maklumat di bawah.

### Jahitan Sumber Rezeki

Ibu Hana, Puan Asmah mahir menjahit baju kurung dan baju Melayu. Puan Asmah mengambil tempahan jahitan dan menjahit di rumahnya. Tempahan paling banyak diterima semasa musim perayaan. Selain itu, Puan Asmah juga mengambil tempahan menjahit baju kurung kanak-kanak.



Kakak Hana, Hani mempunyai sebuah kedai menjahit langsir. Dia mempunyai dua orang pekerja. Dia mengambil tempahan menjahit pelbagai bentuk dan corak langsir. Pendapatan menjahit langsir lebih tinggi berbanding dengan menjahit pakaian biasa.



### Aktiviti

Bagaimanakah kerjaya menjahit dapat diperluas?



1.4.1





Baca petikan di bawah. Berikan makna perkataan yang berhuruf tebal.

### Kerja Sambilan

#### PEMBANTU GERAJ BURGER DIPERLUKAN SEGERA!

Pembantu gerai burger  
diperlukan segera di Hentian Rehat dan Rawat Bukit Merah Arah Selatan.

- ✓ Keutamaan mempunyai kenderaan sendiri.
- ✓ Gaji mengikut jam bekerja - satu jam RM3.00

Untuk keterangan lanjut, hubungi:  
010-4828866 (Tam)

Abang Izalia, Fahmi baru sahaja **tamat** tingkatan lima. Sementara menunggu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, dia bercadang untuk mencari **kerja sambilan**. Fahmi berminat dalam bidang **kulinari**. Dia terbaca **iklan** pekerjaan sebagai pembantu di gerai menjual burger.

Fahmi memohonnya dan diterima bekerja. Dia berasa seronok kerana dapat mengisi **masa lapang**. Di samping itu, dia juga dapat mempelajari cara-cara membuat pelbagai jenis burger seperti burger keju, burger daging **istimewa**, burger telur dan lain-lain.

Selama empat bulan bekerja di situ, Fahmi dapat **mengumpul wang** gajinya. Dia berasa bangga kerana mampu mengumpul wang dengan hasil **titik peluhnya** sendiri. Dia bercadang untuk menggunakan wang tersebut sebagai persiapan melanjutkan pelajaran ke **menara gading**. Fahmi ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang kulinari.



### Aktiviti

1. Apakah jenis pekerjaan yang dimohon oleh Fahmi?
2. Di manakah lokasi pekerjaan tersebut?
3. Berikan contoh kerja sambilan yang lain.
4. Fahmi bekerja selama lima jam sehari. Berapakah jumlah pendapatannya selama lima hari?

Salin maklumat diri ke dalam borang bank.

Keluarga Izalia akan berpindah rumah. Bapa Izalia hendak menukar alamat rumah untuk semua urusan surat-menyurat bank. Beliau meminta Izalia menyalin alamat baharu dalam borang pertukaran alamat.

## BORANG PERTUKARAN BUTIR-BUTIR PERIBADI

### MAKLUMAT PENTING

Kepada pemegang unit yang dihormati,  
Pihak ASNB akan menyatukan semua maklumat peribadi tuan/puan, khususnya alamat dengan menggunakan maklumat yang terkini dalam rekod ASNB. Oleh itu, mohon kerjasama pihak tuan/puan untuk mengemas kini alamat surat-menyurat, nombor telefon dan butiran peribadi terkini.

### SILA TANDAKAN DI PETAK YANG BERKENAAN

ASB    ASW 2020    ASM    ASD    ASN    ASN 2    ASN 3    ASG

### JENIS AKAUN

Dewasa    Remaja/Bijak

### MAKLUMAT PEMEGANG UNIT

Nama: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

No Ahli: \_\_\_\_\_ No K.P/Sijil Lahir: \_\_\_\_\_

### PERMOHONAN PERTUKARAN

Alamat surat-menyurat

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Poskod: \_\_\_\_\_ Bandar/Negeri: \_\_\_\_\_

### Aktiviti

Mengapakah bapa Izalia mengisi borang pertukaran alamat?





## Penilaian 27

A Berikan pendapat anda tentang sikap Hana.

Bapa saudara Hana mempunyai sebuah kedai runcit. Sewaktu cuti sekolah, Hana sering membantu bapa saudaranya. Setiap kali Hana membantu bapa saudaranya, dia akan diberikan upah. Hana gembira kerana dapat mengumpul wang sewaktu cuti sekolah. Hana bercadang hendak menyimpan wang di bank.

9



## Aktiviti

Nyatakan nilai-nilai murni yang ada pada Hana.

**B** Berikan pendapat anda dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Wanita di Malaysia, terutamanya suri rumah tangga memainkan peranan penting untuk membantu menambahkan pendapatan keluarga. Mereka menyumbangkan tenaga dan idea melakukan kerja sampingan yang boleh menjanakan pendapatan. Terdapat pelbagai kerja sampingan yang boleh dimanfaatkan oleh kaum wanita.



 **Aktiviti**

Apakah aktiviti yang sesuai untuk ibu anda?

C Perhatikan gambar di bawah. Perihalkan aktiviti yang menjadi sumber pendapatan.



## Jom Berkomunikasi

A Lafazkan pantun di bawah dengan intonasi yang betul.

### Berjimat Cermat


Anak kancil di balik rebung,  
Anak rusa di tepi perigi;  
Sejak kecil dididik menabung,  
Apabila dewasa tidaklah rugi.

Indah amat si bunga dahlia,  
Dijual penjaja dari selatan;  
Berjimat cermat sungguh mulia,  
Boros berbelanja amalan syaitan.

Buah bacang buah pulasan,  
Atas peran buah salak;  
Elok dirancang segala urusan,  
Agar pembaziran dapat dielak.

Atas pelamin nampak sopan,  
Penuh semangat si anak desa;  
Akan terjamin masa hadapan,  
Jika beringat setiap masa.

Pasang pelita di rumah Pak Mat,  
Suasana terang indah pandangan;  
Jika kita berjimat cermat,  
Akan berkurang beban kewangan.



9

### Aktiviti

1. Berikan maksud setiap rangkap pantun di atas.
2. Jelaskan pengajaran yang dapat dipelajari daripada pantun tersebut.
3. Pada pendapat anda, apakah faedah sekiranya kita berjimat cermat?

**B** Baca petikan di bawah. Jawab soalan yang diberikan.

### Pentingnya Menabung

Tabungan bermaksud mengasingkan sejumlah wang daripada pendapatan yang diperoleh untuk kegunaan masa hadapan. Amalan menabung memang berkait rapat dengan amalan berjimat cermat. Kita perlu mendidik diri kita untuk menabung. Amalan menabung boleh memberikan manfaat kepada kita dan keluarga. Dengan menabung, kita mempunyai wang simpanan. Wang simpanan ini boleh digunakan untuk membeli buku rujukan dan sebagainya.

Sebenarnya terdapat banyak cara untuk menabung. Antaranya menyimpan duit belanja harian. Simpanan yang sedikit, lama-lama akan bertambah banyak. Wang yang dikumpul boleh disimpan di bank. Terdapat pelbagai kemudahan simpanan di bank seperti akaun simpanan, akaun semasa, akaun simpanan tetap dan pelaburan.

Sesungguhnya amalan menabung sangat mulia dan banyak manfaatnya. Amalan menabung dapat membantu kita menikmati hidup yang lebih berkualiti.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan menabung?

---

2. Bagaimanakah cara seseorang itu boleh membuat tabungan?

---

3. Apakah faedah yang diperoleh melalui amalan menabung?

---

4. Apakah jenis kemudahan simpanan yang ada di bank?

---

5. Apakah yang akan berlaku jika kita tidak menabung?

---

## GLOSARI

*akaun* catatan atau keterangan ringkas tentang urusan yang melibatkan penerimaan atau pembayaran wang, perbelanjaan.

*alternatif* pilihan yang merupakan kemestian.

*aroma* bau (terutama bau yang menyedapkan daripada rempah, pokok dan sebagainya).

*aset* wang tunai atau harta benda yang dimiliki oleh seseorang atau sesebuah institusi.

*aura* suasana atau perasaan halus yang menyelubungi seseorang.

*bakteria* organisma seni yang hidup di dalam tanah, air, bahan organik atau badan tumbuh-tumbuhan dan haiwan dan sesetengahnya boleh menyebabkan penyakit.

*bon* sijil pelaburan yang dikeluarkan oleh kerajaan atau perbadanan.

*brosur* risalah (yang memberikan maklumat atau keterangan ringkas tentang sesuatu).

*bunga rampai* campuran berbagai-bagai bunga dan daunan yang harum.

*cengkaman* genggam/pegangan dengan kuku atau cakar.

*daulat* bahagia; kebahagiaan (pada raja yang memerintah).

*dividen* bahagian keuntungan yang dibayar kepada pemegang saham dalam sesebuah syarikat.

*enzim* bahan kimia yang terdapat dalam benda hidup (tumbuhan, haiwan) yang menyebabkan perubahan pada bahan kimia yang lain tetapi tidak pada dirinya sendiri.

*etnik* kumpulan sosial manusia yang ada persamaan dalam budaya.

*festival* pesta keraian besar-besaran.

*fleksibel* boleh ubah atau disesuaikan.

*harmonis* selaras, seimbang, sepadan, sesuai atau bersesuaian.

*herba* tumbuhan kecil yang batangnya (lembut) tidak berkayu, daunnya dapat dibuat makanan, ubat dan pewangi.

*inovasi* sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat dan lain-lain yang baharu.

*integrasi* penggabungan dua atau beberapa kaum, menjadi satu kesatuan.

*jelajah* pergi berjalan ke merata-rata tempat (untuk menyelidik dan lain-lain).

*jubin* kepingan daripada tanah liat bakar untuk menutup dinding atau lantai.

*kolesterol* komponen asid lemak tepu yang terdapat dalam lemak haiwan, seperti yang terdapat dalam mentega dan sebagainya.

*komuniti* kumpulan orang yang tinggal di sesuatu daerah atau negara, masyarakat.

*kreatif* mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea.

**kredit** wang yang dipinjamkan, jumlah atau kemudahan pinjaman, kemudahan membayar terkemudian daripada penerima barangan, penangguhan pembayaran.

**landskap** pemandangan alam sesuatu kawasan yang mengandungi unsur-unsur seperti bukit bukau, sungai dan tumbuhan.

**maksimum** jumlah yang sebanyak-banyaknya, paras yang setinggi-tingginya.

**martabat** kedudukan pada mata masyarakat, darjat, pangkat.

**material** barang-barang yang digunakan sebagai bahan (untuk sesuatu).

**memulihara** memulihkan serta memelihara.

**merdeka** bebas daripada penjajahan, kurungan, naungan, tidak bergantung pada yang lain.

**mineral** 1. bahan pepejal berhablur seperti kuarza, arang batu, uranium dan sebagainya yang terdapat secara semula jadi dalam kerak bumi dan batuan, bahan-bahan galian.

2. unsur bukan organik yang ringkas, biasanya diperlukan dalam kuantiti sedikit untuk menjalankan metabolisme badan.

**penjajah** bangsa atau negara yang menjajah negara lain.

**promosi** segala usaha dan kegiatan untuk menggalakkan atau meningkatkan jualan barang.

**ramuan** 1. bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat sesuatu (seperti akar-akar atau dedaun untuk dibuat ubat).

2. rempah-rempah atau bahan yang digunakan untuk menyedapkan gulai.

**refleksologi** terapi yang mengamalkan pengurutan tapak kaki untuk merangsangkan saraf dan dengan itu melegakan rasa tegang.

**saham** modal sah syarikat yang dicarum oleh pemilik.

**sakti** kesaktian kuasa yang di luar kemampuan manusia biasa, mempunyai kuasa ghaib.

**sensitif** mudah (lekas) merasai sesuatu, lekas bergerak balas (memberi reaksi) terhadap sesuatu rangsangan, peka, mudah tersinggung, (perasaan atau peribadi).

**simpanan tetap** simpanan wang yang tertentu lamanya dengan mendapat bayaran faedah.

**teruja** timbul minat, keinginan yang kuat terhadap sesuatu, naik semangat, terangsang.

**toleransi** sikap sabar dan bertolak ansur atau berlebih kurang, sikap dapat menerima atau menghormati pendapat, fikiran dan kepercayaan seseorang.

**tradisional** bersifat atau bercorak tradisi.

**ulam** daun-daunan atau buah-buahan mentah (seperti petai, pegaga dan lain-lain) yang dimakan dengan nasi, lalap.

**warisan** harta peninggalan, harta pusaka, sesuatu yang diwarisi atau turun-temurun.

## RUJUKAN

Abdul Rahman Khamil, 2015. *Xpress Bijak Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn Bhd.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Pro*, 2015. Kuala Lumpur.

Mohd Zani Ghani dan Aznan Che Ahmad, 2011. *Kaedah dan Strategi Pengajaran Kanak-kanak Berkeperluan Khas*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Suria Mahmud, Raihana Hamdan, Arif Iman, 2015. *KBAT Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Global Medistreet Sdn. Bhd.

<http://daunreramasyifa.com/>

<http://krtsegarperdana1.wixsite.com/krtsp/rukun-tetangga>

<http://myseni.weebly.com/kraf-trandisional.html>

<http://panduanpercuma.info/kesihatan/673/21-herba-mempunyai-khasiat-kesihatan/>

<http://www.khasiatherba.com/herba/khasiat-daun-rerama.html>

<http://www.worldcat.org/title/kamus-perkataan-sa-erti-bahasa-kebangsaan-dengan-persamaan-indeks-inggeris-tionghoa-national-language-synonyms-with-english-chinese-equivalents-indices/oclc/226023895>.

[https://en.wikipedia.org/wiki/Negeri\\_Sembilan](https://en.wikipedia.org/wiki/Negeri_Sembilan)

<https://hairiebmtutor.wordpress.com/2015/11/01/peranan-masyarakat-semangat-kejiranan>

<https://www.scribd.com/doc/29911703/Fungsi-asas-pakaian>

<https://www.scribd.com/doc/54827124/Rumah-Tradisional-Melaka>



## INDEKS

- a  
akaun, 165, 166, 182  
aktiviti, 9, 18, 23, 24, 58, 72, 89, 90, 94,  
100, 110, 121, 125, 130, 144, 146,  
149, 150, 152, 153, 157, 179, 180  
anyaman, 8, 43, 53
- b  
bahan terbuang, 45, 54  
bank, 129, 131, 164, 165, 166, 168, 169, 171,  
172, 177, 178, 182
- d  
destinasi, 51, 89, 124, 125, 127
- f  
faedah, 95, 101, 122, 165, 169, 181, 182
- g  
gotong-royong, 87, 94, 98, 150, 151, 152,  
153, 154
- h  
herba, 21, 22, 23, 24, 26, 27, 28, 30, 31,  
32, 79
- i  
inovasi, 45, 46, 53, 54, 57
- j  
jiran, 145, 149, 150, 153, 154, 155, 156,  
157, 158, 160, 161
- k  
kad ucapan, 47, 48, 49, 50, 52, 69, 146  
karbohidrat, 3, 4
- m  
makanan berkhasiat, 2, 3  
menabung, 164, 167, 170, 181, 182  
merdeka, 95, 105, 121, 137, 139
- p  
Pesta Magahau, 110, 111, 118, 121  
protein, 3, 4
- r  
refleksologi, 63, 77  
rukun tetangga, 132, 134, 136, 144, 146,  
148, 161  
rumah tradisional, 8, 9, 12
- s  
sampah sarap, 95, 98, 151  
sejarah, 9, 96, 122, 127, 133, 136, 137,  
140, 141  
sumber minuman, 91, 95
- t  
tabung, 53, 55, 168, 169  
tabungan, 165, 167, 169, 182
- w  
wang, 124, 129, 131, 152, 164, 165, 167,  
168, 169, 170, 171, 172, 173, 176,  
178, 182

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

**Skim Pinjaman Buku Teks**

**Sekolah** \_\_\_\_\_

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**